

**PARLIMEN**  
**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARIKHAMIS : 13 OKTOBER 2011**

**CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.**

**SOALAN ( 1 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 13 OKTOBER 2011 ( KHAMIS )

DARIPADA Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE  
[TENGARA]

**SOALAN**

**Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [ TENGARA ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengenakan denda lebih tinggi bagi menangani masalah pengiklan yang tidak bertanggungjawab dan terus menampal iklan haram di sekitar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

**NO. SOALAN : 02**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesalahan menampal iklan haram boleh diambil tindakan di bawah Undang-Undang Kecil Iklan kerana mempamerkan iklan tanpa lesen.

Berdasarkan peruntukan seksyen 104 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), kadardenda bagi kesalahan kerana melanggar undang-undang kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan yang berterusan, denda tidak lebih RM200.00 bagi setiap 1 hari tempoh kesalahan tersebut diteruskan. Walau bagaimanapun, Kementerian kini sedang menjalankan penyemakan menyeluruh ke atas Akta 171 termasuklah ke atas kadar denda kerana menyalahi atau melanggar undang-undang kecil PBT dan mencadangkan pindaan yang bersesuaian kepada Akta ini mengikut peredaran masa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN**

**DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [  
KUALA SELANGOR ]**

**TARIKH**

**13.10.2011 (KH AMIS)**

**DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [ KUALA SELANGOR ] minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

**menyatakan sejauh manakah Kerajaan serius untuk melaksanakan “food stamps”  
bagi menangani keperluan hidup golongan berpendapatan rendah dan apakah  
cadangan ia dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan tanpa ketirisan dan  
disalah guna sebagai langkah jangka dekat.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Isu *food stamps* telah dibincangkan di dalam Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan  
Harga (JKBH) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dengan  
melihat kepada perbandingan amalan *food stamps* yang telah dijalankan di  
beberapa negara lain.**

NO. SOALAN : 02

Melalui perbandingan yang telah dilakukan, didapati kaedah yang dijalankan di negara-negara tersebut adalah berbeza-beza dan spesifik kepada permasalahan yang dihadapi oleh mereka pada sesuatu masa tertentu.

Adalah tidak dinafikan pelaksanaan *food stamps* merupakan salah satu alternatif kearah membantu golongan berpendapatan rendah di negara ini. Walaubagaimanapun terdapat pelbagai faktor yang perlu dipertimbangkan dan diambil kira. Oleh yang demikian, kerajaan hanya akan membuat keputusan sama ada akan melaksanakan *food stamps* atau tidak selepas kajian terperinci dilakukan.

Walau apa pun mekanisme yang akan dilaksanakan, Kerajaan sedar akan kemungkinan berlakunya ketirisan dalam pelaksanaan *food stamps* dan masalah untuk memastikan bahawa hanya mereka yang benar-benar layak sahaja mendapat faedah. Oleh sebab itu, Kerajaan akan berhati-hati dalam pertimbangan sama ada pelaksanaan *food stamps* bersesuaian di Negara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**DARI PAD A**

**TARIKH**

**SOALAN**

**LISAN**

**TAN SRI DATUK SERI DR FONG CHAN**

**ONN**

**[ ALOR GAJAH ]**

**13 OKTOBER 2011 (KHAMIS)**

### SOALAN NO.3

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci rancangan PRASARANA untuk membina MRT bawah tanah di sekitar Jalan Sultan, serta kenapa Kerajaan tidak boleh membuat jaminan bahawa selepas MRT dibina penghuni-penghuni asal boleh mengambil balik pemilikan tanah tersebut dan apa tindakan akan diambil oleh Kerajaan sekiranya itu berlaku.

2 November 2011 - Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) minta PERDANA MENTERI menyatakan undang-undang yang diguna pakai sekarang untuk mengambil alih tanah persendirian bagi kegunaan projek awam seperti MRT. Jelaskan sama ada pemilik tanah yang terlibat mempunyai hak untuk menduduki semula tanah tersebut sekiranya pembangunan komersial dibuat ke atas tanah berkenaan selepas pengambilan.

14 November 2011 - Tuan Mohamed Azmin bin AM [Gombak] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan kos projek pembinaan MRT termasuk memastikan jajaran MRT melalui kawasan-kawasan strategik yang tidak melibatkan pengambilan tanah yang melampau. Sila berikan jumlah keluasan tanah, nilai dan berapa ramai pemilik tanah yang dijangka terlibat dengan pengambilan tersebut.

17 November 2011 - Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada terdapat sebarang Kajian Impak Sosial (*Social Impact Assessment*) yang pernah dibuat terhadap kawasan Jalan Sultan / Jalan Petaling, Kuala Lumpur yang telah dikenal pasti untuk pengambilan tanah demi Projek Pembangunan MRT. Jika ada, bila dan apa perjumpaanya. Jika tidak, mengapa. Tiadakah tapak lain yang uzur atau terbiar seperti tapak parkir di Jalan Panggung, Balai Polis Trafik Jalan Tun HS Lee dan bangunan Stesen Bas Kelang lebih sesuai untuk diambil alih.

JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

## SOALAN NO.3

### TIMBALAN MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Alor Gajah bersekali dengan soalan Ahli Yang Berhormat Pulai bertarikh 2 November 2011, Ahli Yang Berhormat Gombak bertarikh 14 November 2011 dan Ahli Yang Berhormat Pandan bertarikh 17 November 2011 kerana keempat-empat soalan ini menyentuh isu yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MRT Sungai Buloh-Kajang akan melalui jajaran bawah tanah sejauh 10km di pusat bandaraya Kuala Lumpur. Jajaran tersebut akan melalui di bawah Jalan Sultan antara Pasarama Kota (ataupun Stesen Bas Klang) dan persimpangan Jalan Sultan-Jalan Hang Jebat dengan jarak 400m. Oleh kerana Jalan Sultan merupakan jalan yang sempit, sebahagian terowong MRT tersebut juga akan melalui di bawah 20 lot bangunan di sepanjang Jalan Sultan.

Jajaran tersebut di pilih kerana ia merupakan jajaran yang optima antara dua lokasi yang ditetapkan untuk laluan MRT, iaitu Stesen Pasar Seni di mana MRT akan berintegrasi dengan LRT laluan Kelana Jaya, dan kawasan Stadium Merdeka di mana terdapat rancangan untuk membangunkan semula kawasan tersebut. Kajian telah dilakukan ke atas jajaran-jajaran yang lain termasuk jajaran yang dicadangkan oleh pemilik bangunan serta pihak-pihak yang lain. Jajaran yang telah dimuktamadkan merupakan jajaran yang optima dari segi 6 faktor, iaitu impak sosial yang minima, pengambilan tanah yang minima, kebolehan teknikal, pengintegrasian yang sempurna, penggunaan yang optima dan masa perjalanan keretapi MRT yang pendek.

Setelah meneliti 6 itu, tapak-tapak kosong di sekitar kawasan Jalan Sultan tidak sesuai digunakan sebagai lokasi alternatif. Ini adalah kerana jajaran alternatif yang melalui tapak-tapak tersebut tidak akan dapat memberi pengintegrasian yang sempurna dengan laluan LRT Kelana Jaya di Stesen Pasar Seni. Jajaran alternatif ini juga tidak sesuai dari segi teknikal kerana landasan terpaksa dibina dengan

### SOALAN NO.3

selekeh-selekeh tajam yang tidak mungkin dapat dilalui keretapi MRT. Disamping itu, jajaran alternatif tersebut tidak dapat menyelesaikan masalah bangunan yang terjejas.

Kajian impak sosial untuk projek MRT telah dilaksanakan bersama Kajian Impak Alam Sekitar atau *Environment Impact Assessment (EIA)*. Kajian tersebut telah mengenal pasti semua impak negatif dan menetapkan langkah-langkah yang perlu dan mesti diambil oleh pemilik projek untuk menghindar ataupun mengatasi mana-mana kesan negatif kepada penduduk setempat termasuk di Jalan Sultan. Antaranya ialah memastikan kesesakan lalulintas adalah minima dan keselamatan penduduk adalah terpelihara.

Dari segi persoalan pengambilan tanah, pihak pemilik projek iaitu Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd, sebuah syarikat milik penuh Kementerian Kewangan Diperbadankan, sedang mengadakan rundingan dengan pemilik tanah persendirian untuk mencari persetujuan di mana pengambilan tanah tidak perlu dilakukan. Antara perkara yang perlu dipersetujui adalah keperluan pemilik keluar dari bangunan semasa pembinaan terowong dan kembali setelah selesai pembinaan, dan juga isu pampasan kerugian kepada mereka yang terlibat. Sehubungan itu, persoalan memberi semula hakmilik tanah kepada tuan tanah asal tidak sepatutnya timbul.

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak kira apa formula yang akan diterima untuk jalan penyelesaian, pihak Kerajaan memberi jaminan bahawa bangunan-bangunan di Jalan Sultan, walaupun tidak diwartakan sebagai bangunan warisan tetapi merupakan sebahagian penting sejarah bandaraya Kuala Lumpur, tidak akan dirobuhkan. Pemilik projek akan melakukan apa yang diperlukan untuk memastikan kerja terowong tidak akan menjejaskan bangunan-bangunan tersebut. Namun begitu, terdapat beberapa lokasi seperti di stesen dan di jajaran atas tanah di mana pengambilan tanah terpaksa dilakukan. Proses ini akan mengikut lunas undang-undang dan jumlah pampasan akan ditentukan berdasarkan harga pasaran dan kriteria-kriteria yang dibenarkan.



### **SOALAN NO.3**

**Bagi projek MRT Sungai Buloh-Kajang sejauh 51km, Kerajaan telah memastikan pengambilan tanah persendirian dapat dikurangkan di mana 70% jajaran adalah melalui tanah kerajaan seperti rizab jalan raya dan tanah milik agensi kerajaan. Perubahan jajaran yang dibuat setelah menerima maklumbalas orang ramai diterima telah dapat mengurangkan bilangan bangunan yang terjejas. Misalnya di kawasan Bukit Dukung dekat Kajang, bilangan bangunan yang terjejas seperti rumah kediaman, bangunan komersial, surau dan sekolah, telah berkurangan daripada 109 buah bangunan kepada 46 buah bangunan apabila jajaran dialihkan. Begitu juga di Pekan Kajang di mana bilangan bangunan yang terjejas telah berkurangan daripada 29 buah bangunan kepada 5 buah apabila jajaran dialihkan.**

**Anggaran bilangan lot tanah persendirian yang akan diambil balik adalah lebih-kurang 500 lot dengan jumlah keluasan tanah sebanyak 75 hektar. Jumlah pampasan yang akan dibayar kepada pemilik tanah masih tidak dapat dimuktamadkan pada masa ini kerana perbincaraan pengambilan tanah masih berterusan.**

**Sekian, terima kasih.**

## PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN

JAWAB LISAN PUAN FONG  
PO KUAN 13 OKTOBER  
2011 (KHAMIS) NO. 4

Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan tujuan PTPTN memutuskan untuk menawarkan pembiayaan pendidikan kaedah ujah dan mengapakah *red tape* di dalam permohonan pertukaran pinjaman tersebut. Nyatakan tunggakan pinjaman oleh peminjam sehingga kini.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pembiayaan pendidikan berdasarkan kaedah Ujah atau upah 1% setahun atas kadar rata yang berkuat kuasa mulai 1 Jun 2008 adalah merupakan kaedah pembiayaan berlandaskan prinsip syariah. Pelaksanaan kaedah barn ini bertujuan untuk mengurangkan beban peminjam melalui kaedah pinjaman sedia ada yang mengenakan kos pentadbiran 3% dan 5% setahun. Kaedah baru ini adalah selaras dengan Syariah Islam sebagaimana yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam pada 28 Julai 2008.

Sebagai agensi awam yang diamanahkan untuk menguruskan kewangan awam, PTPTN melaksanakan pengakaunan yang teliti lagi bertanggungjawab. Ini adalah di antara sebab terjadinya kelewatan, yang sesetengah pihak medakwa sebagai kerenah birokrasi ataupun *red tape*, dengan izin. Selain itu, proses penyemakan sebelum penawaran ke kaedah Ujrah, bukan semuanya boleh dilakukan secara *straight forward*, dengan izin. Banyak yang memerlukan semakan semula secara manual kerana maklumat peminjam terdapat di beberapa tempat, sebelum maklumat tersebut dikonsolidasikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi membolehkan tawaran pertukaran dibuat, proses pemula amat mudah. Peminjam hanya diminta untuk mengemaskinikan maklumat mereka secara atas talian. Maklumat yang perlu dikemaskini adalah alamat e-mel; no. telefon; dan alamat terkini, sekiranya terdapat perubahan. Kaedah ini bertujuan untuk memastikan tawaran berjaya disampaikan kepada peminjam yang terlibat. Dengan adanya maklumat terkini ini, dokumen tawaran Ujrah dapat dihantar melalui alamat e-mel yang dikemaskini oleh peminjam. PTPTN turut memaklumkan tawaran Ujrah melalui khidmat pesanan ringkas (sms) ke talian telefon bimbit yang dikemaskini.

Mengikut rekod PTPTN, pertukaran pinjaman kepada pembiayaan Ujrah melibatkan sebanyak 836,408 data peminjam. Sehingga tarikh tamat 30 September 2011, seramai 565,427 orang telah berjaya

untuk mengemaskinikan maklumat. Sehingga hari ini, 435,160 peminjam yang layak telah diberi surat tawaran. Mereka diberi tempoh tiga (3) bulan untuk mengembalikan dokumen perjanjian. Seramai 55,546 peminjam telahpun memulangkan dokumen perjanjian. Baki 130,267 peminjam masih dalam proses semakan untuk penawaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah tunggakan keseluruhan bayaran balik daripada peminjam sehingga 31 Ogos 2011 adalah berjumlah RM2.89 bilion.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN  
DARIPADA YB DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE

[ SETIAWANGSA ]

TARIKH 13 OKTOBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

YB Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [ Setiawangsa ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

## **SOALAN NO. 5**

menyatakan langkah Kerajaan bagi meningkatkan kesedaran di kalangan generasi muda untuk memelihara tahap kesejahteraan ibu bapa dan warga emas bagi memastikan golongan yang mewakili lebih daripada 500,000 orang rakyat negara ini akan terus terbela.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin, kebajikan warga emas yang berjumlah 2.3 juta orang atau 8.1% daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia adalah menjadi keutamaan Kerajaan. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memperjuangkan supaya warga emas di negara ini hidup sihat sejahtera, bermaruah dan mempunyai martabat diri yang tinggi, mengoptimumkan potensi diri, menikmati semua peluang di samping mendapat penjagaan dan perlindungan daripada ahli keluarga dan anggota masyarakat.

Bukti keprihatinan ini dizahirkan melalui Bajet 2012 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri di Parlimen pada 7 Oktober 2011. Antara pengumuman yang memberi manfaat terus kepada golongan warga emas adalah seperti berikut:

1. Sebanyak RM460 juta akan disalurkan kepada warga emas yang memerlukan melalui Bantuan Orang Tua (BOT) di bawah Program

Kebajikan Rakyat 1 Malaysia (KAR1SMA);

2. Pengecualian caj pendaftaran pesakit luar di semua hospital dan klinik kesihatan termasuk klinik 1 Malaysia serta klinik pergigian milik Kerajaan;
3. Diskaun 50% ke atas tambang LRT dan Monorel;
4. Bayaran khas sebanyak RM500 kepada pesara Kerajaan pada bulan Disember 2011;
5. Pelarasan pencen di bawah Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA), melibatkan peruntukan sebanyak RM600 juta. Manfaat ini akan dinikmati oleh seramai 600,000 orang pesara kerajaan;
6. Kenaikan tahunan pencen pesara sebanyak 2% setahun tanpa perlu menunggu sebarang semakan sistem saraan atau pelarasan gaji, mulai tahun 2013; dan
7. Melanjutkan umur persaraan wajib daripada 58 tahun kepada 60 tahun bagi mengoptimumkan sumbangan pegawai perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan kesedaran di kalangan generasi muda untuk memelihara tahap kesejahteraan ibu bapa dan warga emas, Dasar dan

Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang diluluskan oleh Kerajaan pada 5 Januari 2011 (bagi menggantikan Dasar Warga Tua Negara 1995 dan Pelan Tindakan Warga Tua Negara 1998) turut mempunyai strategi khusus untuk meningkatkan penglibatan dan kesepaduan antara generasi. Antara program yang dilaksanakan di bawah strategi ini adalah seperti berikut:

- (i) Menganjurkan Seminar Mengeratkan Kasih Sayang Antara Generasi;
- (ii) Melaksanakan Modul Khidmat Masyarakat di bawah Program Latihan Khidmat Negara (PLKN);
- (iii) Program IlmuKeluarga@LPPKN yang menerapkan nilai kasih sayang, tanggungjawab dan hormat menghormati di kalangan ahli keluarga; dan
- (iv) Perkhidmatan Bantu di Rumah atau *Home Help Services* yang bercorak *reaching out* kepada warga emas yang dikendalikan oleh sukarelawan.

Selain itu, Dasar Keluarga Negara yang digubal oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut menekankan



penerapan nilai kekeluargaan yang bertujuan melahirkan generasi yang dilengkapi dengan nilai-nilai murni, berdaya tahan dan menjadi warga yang produktif. Pembangunan sahsiah generasi muda yang jitu ini akan dapat mewujudkan rasa tanggungjawab generasi muda terhadap kebajikan dan kesejahteraan warga emas dengan harapan kes-kes pengabaian ke atas warga emas dapat dibendung.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. MENTERI KESIHATAN MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARI PAD A DATUK CHUA SOON BUI**  
**[ TAWAU ]**  
**TARIKH 13 OKTOBER 2011**  
**SOALAN**

**YB Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan**

- a. nyatakan jenis-jenis pakar perubatan, kemudahan, peralatan dan bekalan yang hospital-hospital dan penjagaan kesihatan Sabah telah ketinggalan zaman selama 10 hingga 15 tahun berbanding Semenanjung Malaysia, seperti mana yang diumumkan Pengarah

**SOALAN NO: 7**

Kesihatan semasa lawatannya ke Sabah baru-baru ini; dan

- b. apakah pelan-pelan segera untuk memperbaiki hospital-hospital dan pemeliharaan kesihatan di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.



## **Tan Sri Yang di-Pertua,**

Memang tidak dinafikan memang terdapat jurang perbezaan dari segi kemudahan kesihatan yang terdapat di Sabah berbanding Semenanjung Malaysia. Antara lain keadaan topografi, kemudahan infrastruktur pengangkutan dan kepadatan penduduk yang rendah dan berselerak ditambah dengan kekurangan kemudahan infrastruktur asas merupakan faktor utama menghadkan akses kepada perkhidmatan kesihatan bukan sahaja di Sabah tetapi juga di Sarawak berbanding Semenanjung Malaysia, ia memberi cabaran yang amat besar kepada Kementerian untuk menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk Sabah dan Sarawak, khususnya di kawasan pedalaman. Di samping itu, nisbah doktor perubatan:penduduk di Sabah juga rendah iaitu 1:1,859 berbanding 1:764 di Semenanjung manakala nisbah doktor pergigian:penduduk pula adalah 1:17,708 berbanding 1:6,567 di Semenanjung Malaysia. Kemudahan fasiliti kesihatan seperti hospital dan klinik kesihatan juga agak terhad berbanding di semenanjung. Namun Kementerian Kesihatan amat komited bagi mengatasi masalah

ini. Pelbagai usaha telah dan akan terus dilaksanakan bagi mengimbangi keadaan tersebut di antara wilayah. Terbaru, masalah ini serta strategi yang dicadang bagi mengatasinya telah dibincangkan di dalam Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bumiputera Sabah dan Sarawak yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Antara lain strategi yang telah dan akan dilaksanakan termasuklah:-

- Meningkatkan penempatan pegawai perubatan dan pergigian di Sabah dan Sarawak melalui arahan pentadbiran dan pemberian insentif seperti penempatan (posting) tempoh terhad, pemberian elauan wilayah dan kesusahan dan memberi keutamaan kepada mereka untuk kemajuan kerjaya seperti kemudahan biasiswa

kepakaran dan kursus pendek di luar negara

- Membina lebih banyak fasiliti kesihatan statik seperti klinik kesihatan
- Meningkatkan perkhidmatan kepakaran di hospital-hospital daerah
- Memperkukuhkan perkhidmatan klinik bergerak darat, air dan udara termasuk perolehan baru dan penggantian kenderaan dan ambulans serta memperkembangkan perkhidmatan “flying doctor” di kawasan terpencil walaupun hakikatnya ia menelan belanja yang tinggi
- Perluasan teknologi ICT samaada *teleconsultation* di hospital atau *teleprimary care* di klinik kesihatan
- Meningkatkan program bakul makanan bagi mengurangkan masalah kurang zat makanan
- Mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan pergigian serta program pemfloridan bekalan air, dan
- Mengurangkan beban penyakit berjangkit dengan mempertingkatkan perkhidmatan pengesanan, perawatan dan pengawalan penyakit berjangkit serta mempertingkatkan kesihatan persekitaran dengan menaiktaraf bekalan air dan tandas sanitari

Tan Sri Yang DiPertua,

Di bawah “*Rolling Plan* Pertama”, Rancangan Malaysia Ke 10 (2011 - 2012), terdapat sebanyak 33 program dan projek pembangunan Kementerian Kesihatan di Sabah. Program dan projek tersebut adalah

seperti berikut:-

1 hospital baru (Tuaran) & 17 naik taraf hospital;

- 7 klinik kesihatan baru;
- 1 program pemfluoridaan bekalan air awam ;
- 5 naiktaraf kuarters ; dan
- 1 pejabat kesihatan

Disamping itu sebanyak 23 projek sambungan/sedia ada telah diluluskan pelaksanaannya di bawah *Rolling Plan* Kedua (2012-2013) oleh agensi pusat pada 12 Oktober 2011 iaitu:-

- 1 hospital & 12 naik taraf hospital;
- 1 program pemfluoridaan bekalan air awam ;
- 7 klinik kesihatan ; dan
- 1 pejabat kesihatan

Kementerian berkeyakinan bahawa dengan terlaksananya cadangan-cadangan yang telah dibincang dan dipersetujui secara prinsipnya oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bumiputera Sabah dan Sarawak, jurang perkhidmatan kesihatan di Sabah dan Sarawak akan dapat dirapatkan dan setanding dengan perkhidmatan yang tedapat di Semenanjung. Sekian, terima kasih.

**PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' DR TEKHEE @TIKI ANAK LAFE**

**TARIKH**

**13 OKTOBER 2011 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**NO. 7**  
**Dato' Dr Tekhee @Tiki anak Lafe [ Mas Gading ]** minta **MENTERI  
PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah graduan terkini Kolej  
Komuniti di seluruh negara dan jumlah peratusan yang sudah bekerja  
sama ada dengan orang lain atau bekerja sendiri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan pelajar  
lulusan kolej komuniti semenjak 2003 sehingga 2010 adalah seramai  
39,650 orang. Berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan  
Kementerian Pengajian Tinggi Tahun 2010 ataupun TRACER Study,  
dengan izin, , seramai 3,444 orang (52.8%) lulusan sijil Kolej  
Komuniti telah berkerja, seramai 463 orang (7.1%) telah melanjutkan  
pengajian, seramai 56 orang (0.9%) meningkatkan kemahiran dan  
seramai 184 orang (2.8%) menunggu penempatan pekerjaan.





## SOALAN NO. 21

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**                      **LISAN**

**DARIPADA**                      **TUAN CHOW KON YEOW**

**[ TANJONG ]**

**TARIKH**                          **13 OKTOBER 2011 (KHAMIS)**

### SOALAN

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah rancangan Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi masalah bas sekolah yang usang yang melebihi 30 tahun akan dikuatkuasakan dan apakah dasar- dasar Kerajaan Persekutuan supaya keselamatan pengguna tidak terjejas.

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) membantu nasib 60 peratus daripada sekitar 25,000 buah bas sekolah yang bakal terjejas oleh arahan Kementerian untuk tidak mengeluarkan permit kepada bas sekolah yang berusia lebih daripada 30 tahun dan ke atas.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) membantu nasib 60 peratus daripada sekitar 25,000 buah bas sekolah yang bakal terjejas oleh arahan Kementerian untuk tidak mengeluarkan permit kepada bas sekolah yang berusia lebih daripada 30 tahun dan ke atas.

**JAWAPAN:**                      **YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**

## SOALAN NO. 21

### TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tan Sri Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Tanjung bersekali dengan soalan Ahli Yang Berhormat Kuala Kedah bertarikh 23 November 2011 dan Ahli Yang Berhormat Kuantan pada 29 November 2011 kerana ketiga-tiga soalan ini menyentuh isu yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan had usia bas sekolah kepada 30 tahun telah diputuskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Semenanjung Malaysia melalui Mesyuarat Lembaga bertarikh 17 Disember 2009. Pelaksanaan arahan ini telah dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2010 sehingga kini.

Keputusan membenarkan had usia penggunaan bas sehingga 30 tahun dibuat setelah mengambil kira faktor ekonomi pengusaha bas sekolah untuk yang bukannya mengaut keuntungan besar untuk khidmat mereka.

Walaupun begitu, atas faktor keselamatan, bagi bas yang telah mencapai had usia 30 tahun, semua pengusaha diwajibkan untuk membuat gantian kenderaan. Bagi tujuan untuk tidak membebankan pengusaha bas sekolah, dasar semasa S.P.A.D membenarkan supaya kenderaan terpakai yang berusia tidak lebih daripada 20 tahun, boleh dilesenkan sebagai bas sekolah sehingga genap usianya 30 tahun. Oleh yang demikian, para pengusaha bas sekolah pada hakikatnya mempunyai pilihan sekiranya mereka tidak berkemampuan membeli

## SOALAN NO. 21

kenderaan baru.

S.P.A.D juga telah mengadakan perbincangan dengan Persatuan Bas Sekolah Se-Malaysia (Persatuan) dan Persatuan telah menyatakan kesanggupan mereka untuk membaik pulih bas agar selaras dengan piawaian keselamatan antarabangsa yang telah ditetapkan.

Juga bagi meringankan beban pengusaha. Persatuan telah bersetuju dengan cadangan S.P.A.D untuk memberi kelulusan pembaharuan lesen selama satu (1) tahun lagi sehingga akhir tahun 2012 kepada pemilik-pemilik bas yang berusia melebihi 30 tahun, bagi bas sekolah yang akan tamat tempoh pada tahun ini. Keputusan yang dicapai ini dapat memberi lebih masa kepada pengusaha untuk mendapatkan kenderaan gantian. Dalam tempoh lanjutan tersebut, pengusaha dikehendaki membuat gantian kenderaan. Walau bagaimanapun, sekiranya kenderaan gagal disiapkan sebelum tamat tempoh berkuatkuasa lesen, tambahan satu (1) tahun lagi akan diberikan kepada pengusaha.

Walaupun apa pun, keputusan ini adalah bersifat jangka pendek dan semua bas wajib menjalani dan mendapatkan kelulusan pemeriksaan daripada PUSPAKOM bagi memastikan fizikal kenderaan dalam keadaan baik demi menjamin keselamatan anak-anak kita yang menaiki bas sekolah.

Dalam pembentangan Bajet 2012 pada 7 Oktober, Y.A.B. Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan komited untuk meningkatkan keselesaan dan kualiti perkhidmatan bas terutama di kawasan luar bandar. Sehubungan itu,

## SOALAN NO. 21

peruntukan tambahan RM150 juta akan disalurkan kepada Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam di SME Bank bagi membolehkan pengusaha bas termasuk bas sekolah menikmati pinjaman mudah dengan kadar faedah empat peratus untuk membeli atau membaik pulih bas. Kemudahan pembiayaan ini akan disediakan mulai 1 Januari 2012.

S.P.A.D tentunya melihat standard antrabangsa dan menjadikan negara luar sebagai rujukan pengangkutan awam seperti Singapura yang menghadkan usia kenderaan bas sekolah kepada 20 tahun dan Amerika Syarikat selama 15 tahun sahaja.

Dalam pada itu, S.P.A.D juga sedang merangka untuk mentransformasikan sistem pengangkutan awam dan perlu melihat untuk jangka masa panjang. Apabila kajian tersebut dijalankan kelak, faktor-faktor seperti teknologi pembuatan kenderaan, keselamatan, kos operasi, pembiayaan kenderaan dan lain-lain yang berkaitan akan diambil kira bagi mewujudkan situasi menang-menang di antara pengusaha bas sekolah, rakyat dan juga kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN : 9**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB DATO' DR.MOHAMAD  
SHAHRUM BIN  
OSMAN (LIPIS)**

**TARIKH**

**13 OKTOBER 2011**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan jumlah jalan raya di kawasan luar bandar yang telah dinaik taraf, jalan luar bandar yang baru dibina dan jumlah jalan raya luar bandar yang akan dibina di seluruh negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam tempoh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang bermula pada tahun 2010 hingga 2012, Kerajaan mensasarkan untuk

membina dan menaiktaraf sepanjang 2,526 km jalan luar bandar di seluruh negara. Sehingga Oktober 2011, sepanjang 1,204.36 km telah dibina dan dinaiktaraf di seluruh negara, manakala sepanjang 1,321.64 km lagi sedang dan akan dibina di seluruh negara.

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 13 OKTOBER 2011 ( KHAMIS )

DARIPADA Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF  
[RANTAU PANJANG]

## **SOALAN**

**Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [RANTAU PANJANG]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha dan bentuk bantuan kaedah untuk mengurus sisa pepejal dan menambahkan kecekapan PBT terutama di Rantau Panjang dan Pasir Mas selaras dengan kedudukan di pintu masuk utama negara.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mempunyai program khusus di bawah bajet pembangunan untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan dalam menguruskan sisa pepejal di kawasan mereka. Di antara projek-projek pengurusan sisa pepejal yang dilaksanakan ialah menaik taraf tapak pelupusan sedia ada, menutup selamat tapak-tapak yang berada dalam kawasan sensitif dan membina baru tapak-tapak pelupusan sanitari. Di samping itu, KPKT juga membuat pembelian lori-lori kompaktor dan tong-tong sisa pepejal serta tong-tong kitar semula untuk diagihkan kepada PBT-PBT yang memerlukan bantuan.

Di samping bantuan di bawah bajet pembangunan, KPKT juga membantu PBT-PBT yang kurang berkemampuan (iaitu yang memperolehi kutipan cukai taksiran kurang daripada RM10juta setahun) di bawah bajet mengurus untuk membayar perkhidmatan syarikat-syarikat konsesi di

kawasan mereka semasa tempoh interim. Walau bagaimanapun, bantuan kewangan tersebut hanya diberikan kepada negeri-negeri yang telah bersetuju melaksanakan penswastaaan secara interim dan bantuan kewangan tersebut telah dimulakan sejak tahun 2000 dan tetap diteruskan semasa penswastaaan penuh dilaksanakan.

Bagi negeri Kelantan, KPKT telah mengagihkan 11 buah lori kompaktor pada tahun 2007 dan pada awal tahun 2011 KPKT telah mengagihkan sebanyak 828 unit tong komunal, yang mana 39 unit tong telah diperuntukkan kepada MD Pasir Mas.

**NO. SOALAN:**

**11 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING (KULAI)**

**TARIKH 13 OKTOBER 2011 (KHAMIS)**

**SOALAN:**



**Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting (Kulai) minta PERDANA MENTERI**

menyatakan apakah projek baru yang merupakan sebahagian pelan strategik ekonomi di Iskandar Malaysia akan melibatkan sebahagian kawasan Parlimen Kulai mulai tahun 2012 hingga 2015.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak IRDA mempunyai rancangan untuk membangun satu projek yang akan dilaksanakan di bawah inisiatif pembiayaan swasta. Projek ini merupakan sebuah projek pembangunan bercampur dan akan dimajukan di tapak pegangan kekal berkeluasan 150 ekar di Indahpura, Kulai. Cadangan projek Bandar Cyberport MSC Malaysia ini akan dibangunkan dalam 3 fasa dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM1.16 bilion. Perbandaran baru ini menjanjikan gaya hidup bersandarkan kemudahan interaktif, di mana komunitinya menikmati rangkaian lengkap dengan akses jalur lebar serta rangkaian kawasan setempat tanpa wayar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

**JAWAB LISAN TUAN LIM**

**LIP ENG 13 OKTOBER**

**2011 (KHAMIS) NO. 12**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**TARIKH**

**SOALAN**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta**

**MENTERI PENGAJIAN TINGGI**

menyatakan senarai ijazah institusi pengajian tinggi Negara China dan Taiwan yang diberikan perakuan akreditasi oleh Malaysia mengikut nama program dan institusi, senaraikan ijazah institusi pengajian tinggi di Malaysia yang diiktiraf oleh kedua-dua negara tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Akreditasi sesuatu program pengajian biasanya dijalankan oleh badan-badan jaminan kualiti di negara yang berkenaan. Di Malaysia, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) merupakan badan jaminan kualiti yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan penilaian akreditasi ke atas program yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara.

Dalam usaha untuk saling mengiktiraf kelayakan program pengajian tinggi antara Malaysia dan China, satu Perjanjian Pengiktirafan Seiring (*Mutual Recognition Agreement, MRA*) telah dimeterai pada 28 April 2011.

Melalui MRA ini, Malaysia dan Republik Rakyat China (RRC) bersetuju mengiktiraf kelayakan Ijazah Sarjana Muda (*Bachelor Degree*), Ijazah Sarjana (*Master Degree*) dan Ijazah Kedoktoran/Pft.DJ, yang dianugerahkan kepada pelajar oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kedua-dua buah negara. Kelayakan yang diiktiraf hendaklah kelayakan dari program yang mendapat akreditasi serta ditawarkan oleh IPT yang diiktiraf dan berautoriti di negara masing-masing.

Ini bermakna, program-program Ijazah Sarjana Muda (*Bachelor Degree*), Ijazah Sarjana (*Master Degree*) dan Ijazah Kedoktoran yang telah mendapat akreditasi MQA akan juga diiktiraf oleh China dan program yang mendapat akreditasi dari badan berautoriti di China juga akan diiktiraf oleh Malaysia. Semua program yang telah mendapat akreditasi MQA akan didaftarkan di dalam Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register, MQR*) yang boleh dirujuk oleh semua pihak termasuk negara luar.

Bagi pengiktirafan kelayakan pengajian tinggi di antara Malaysia dan Taiwan pula, MQA dan *Higher Education Evaluation and Accreditation Council of Taiwan (HEEACT)* sedang dalam peringkat perbincangan.

## SOALAN(13)

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 13 OKTOBER 2011 ( KHAMIS )

DARIPADA Y.B. DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID  
[PENGERANG]

#### SOALAN

Y.B. DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [ PENGERANG ]  
minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
menyatakan tindakan dan penguatkuasaan yang dikenakan kepada  
syarikat peminjam wang berlesen yang sering bertindak di luar batas-batas  
kemanusiaan dengan melanggar syarat-syarat pinjaman serta menggunakan  
kekerasan dalam mengutip kembali pinjaman yang dikenakan.

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini, pihak  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum menerima  
sebarang kes atau aduan rasmi berhubung Pemberi Pinjam Wang (PPW)

Berlesen yang bertindak di luar batasan kemanusiaan atau menggunakan kekerasan semasa mengutip kembali pinjaman yang dikenakan, kecuali kes-kes yang melibatkan PPW tidak berlesen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, selaras dengan Mesyuarat Pasukan Khas Mencegah Ceti Haram pada 28 Disember 2006, satu persefahaman (MoU) di antara KPKT dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah dipersetujui bersama yang mana, KPKT akan memberi tumpuan ke atas penguatkuasaan melibatkan semua PPW Berlesen, manakala pihak PDRM akan mengawal kegiatan ah Long yang lebih menjurus kepada salahlaku berunsur jenayah.

Bagi kes-kes melibatkan PPW tidak belesen dan berunsurkan jenayah, pihak kementerian akan menasihatkan pengadu / mangsa membuat laporan polis di balai polis terdekat untuk melindungi diri dari sebarang kejadian yang tidak diingini kelak.

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM  
(SEPUTEH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13.10.2011**

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hutang luar negara mengikut negara yang memberi pinjaman kepada Malaysia dan amaun hutang setiap negara. Sila senaraikan agensi dan syarikat dalam negara yang memberi pinjaman kepada Kerajaan Pusat

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2011, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM437.2 bilion atau 52.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan

**NO SOALAN :■**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

merupakan hutang dalam negeri yang berjumlah RM421.0 bilion atau 96.3 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang, manakala baki RM16.2 bilion atau 3.7 peratus merupakan hutang luar negeri.

2. Mengenai sumber hutang, pinjaman dalam negeri diperolehi melalui terbitan Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK), Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), pinjaman Kumpulan Pinjaman Perumahan dan terbitan Sukuk Simpanan Rakyat serta Sukuk IMalaysia. Pemegang instrumen berkenaan terdiri daripada institusi kewangan, syarikat insurans dan pertubuhan keselamatan sosial seperti KWSP dan SOCSO.

3. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan pula diperolehi daripada sumber pasaran modal antarabangsa melalui terbitan sukuk global dan pengeluaran pinjaman projek melalui institusi multilateral seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan Bank Pembangunan Islam dan bilateral dalam mata wang asing iaitu Dolar Amerika Syarikat, Yen, Dolar Euro, Dolar Kanada serta Dinar.

tr

**NO SOALAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOOKEONG  
(WANGSA MAJU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13.10.2011**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Suruhanjaya Sekuriti (SC) sedar bahawa sebelum penggantungan saham AirAsia Bhd (AA) dan MAS daripada urusan niaga pada 09.08.2011, saham AA telah meningkat naik dari tarikh 20.07.2011 dengan "*unprecedented trend*" dan seterusnya, namun harga saham bagi MAS menurun dan harga saham AA ditutup pada RM3.95 dan MAS RM1.60 dan apabila penggantungan tersebut harga saham AA menurun dan saham MAS meningkat

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Sekuriti (SC) bersama Bursa Malaysia sentiasa memantau rapi pergerakan pasaran. SC meneliti secara berterusan semua perkembangan korporat, serta sebarang pergerakan luar biasa dari segi harga dan juga jumlah dagangan. SC juga mengambil perhatian ke atas perkara ini dan kajian serta siasatan sewajarnya sedang diambil ke atasnya.

16

**NO SOALAN :3&**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG  
(BATU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13.10.2011**



**Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG [ BATU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**
- (a) sama ada Kerajaan menjalankan siasatan terhadap kesemua kontrak pencetak wang selepas pendedahan skandal Reserve Bank Australian (RBA) dan apakah hasilnya; dan
- (b) berapakah jumlah kontrak diperolehi oleh Securrency International dan Note Printing serta nyatakan nama syarikat agen tempatan dan luar negeri yang memperolehi kontrak sejak tahun 1990 hingga kini.

## **jAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia mengamalkan sistem tender terbuka bagi kontrak pembekalan dan percetakan mata wang. Konsisten dengan polisi ini, Bank Negara Malaysia hanya berurusan secara terus dengan syarikat-syarikat pencetak mata wang yang mempunyai reputasi yang tinggi dan melalui proses tapisan, penilaian dan perolehan tender yang ketat sebagaimana yang telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah Bank

Negara Malaysia. Siasatan ke atas perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Bank Negara Malaysia telah memberi kerjasama sepenuhnya kepada badan tersebut.

2. Securrency International Pty Ltd (Securrency) adalah sebuah syarikat pembekal substrat polimer, bahan asas (*substrate*) bagi mencetak wang polimer, dan Notes Printing Australia adalah sebuah syarikat pencetak wang polimer. Kedua-dua Securrency dan Notes Printing Australia adalah anak syarikat milik Reserve Bank of Australia.

3. Tender yang dikeluarkan dan perjanjian yang ditandatangani di antara Bank Negara Malaysia dan mana-mana syarikat pembekal dan percetakan mata wang yang dilantik adalah bagi bekalan barangan siap (*finished product*), iaitu wang kertas atau polimer yang telah siap dicetak untuk edaran. Bank Negara Malaysia telah menawarkan tiga kontrak bekalan dan cetakan wang polimer kepada Notes Printing Australia. Notes Printing Australia telah mendapatkan sendiri bekalan substrat polimer bagi kerja-kerja cetakan wang polimer Malaysia daripada Securrency. Oleh yang demikian, sebarang urusan niaga di antara Securrency (sebagai pembekal substrat polimer) dan Notes Printing Australia (sebagai syarikat pencetak wang polimer) adalah satu urusan komersil di antara anak-anak syarikat milik Reserve Bank of Australia dan ianya adalah di luar kawalan Bank Negara Malaysia.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWANRAKYAT**

PERTANYAAN

**LISAN**

DARIPADA

**DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE**

TARIKH

**13 OKTOBER 2011**

SOALAN

**NO SOALAN:17**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai cadangan menjadikan FELDA sebagai gedung makanan negara dan apakah persiapan serta strategi Kerajaan dalam memastikan kejayaan agenda tersebut.

JAWAPAN  
-----

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**  
**TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon menjawab soalan lisan yang turut dikemukakan oleh **Ahli Yang Berhormat Jempol pada 14 Oktober 2011** dan **soalan bukan jawab lisan daripada Ahli Yang Berhormat Kuala Nerus** kerana soalan ini adalah saling berkaitan. Sebagaimana sedia maklum, Gedung Makanan Negara (GMN) dilancarkan oleh Kerajaan pada Julai 2009 lalu dengan

tujuan untuk meningkatkan bekalan makanan negara dan pada masa yang sama mengurangkan perbelanjaan import.

Projek GMN menumpukan kepada beberapa produk yang mempunyai permintaan yang tinggi iaitu pengeluaran pisang berangan dan cavendish, ternakan ikan tilapia, ternakan lembu secara fidlot, tanaman cili dan rock melon. Pengeluaran produk ini dilaksanakan melalui kaedah penanaman moden seperti sistem fertigasi, amalan teknologi baru, tanaman skala besar dan lain-lain. Terdapat empat (4) strategi utama dalam memastikan kejayaan pelaksanaan GMN ini. Strategi **pertama** adalah komitmen pengurusan dalam membangunkan projek GMN dengan bajet yang mencukupi. Kira-kira RM700 juta diperuntukkan untuk program GM ini dalam tempoh 10 tahun.

Strategi **kedua** ialah penggunaan teknologi moden bagi memastikan pengeluaran produk di tahap yang maksimum. Sebagai contoh, tanaman cili dan rock melon menggunakan struktur pelindung tanaman (SPT) dan sistem fertigasi, sistem pengudaraan *Aerotube* untuk ternakan ikan tilapia, sistem fidlot untuk ternakan lembu, integrasi tanaman untuk tanaman pisang dan amalan teknologi pertanian yang lain. Kursus dan latihan juga diberikan kepada para pengusaha yang terlibat di dalam Projek GMN bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang penanaman dan penternakan di samping perkongsian maklumat antara agensi Kerajaan yang berkaitan.

**Ketiga** pengeluaran produk berkualiti dengan mematuhi piawaian yang

ditetapkan. Pemantauan secara berkala juga akan dilaksanakan bagi memastikan setiap operasi pengendalian projek mencapai tahap optimum. Keempat adalah pengurusan rantaian pembekalan dengan mewujudkan rantaian pembekalan, pemasaran dan penjenamaan bagi produk GMN. Penilaian potensi pasaran tempatan dan antarabangsa secara komprehensif akan dilaksanakan bagi membina keupayaan pemasaran dan jenama produk GMN.

Pelaksanaan Projek GMN telah dijalankan secara berperingkat melibatkan 602 pengusaha yang terlibat dalam program penanaman pisang berangan dan cavendish, ternakan ikan tilapia, ternakan lembu secara fidlot, tanaman cili dan rock melon secara fertigasi dan penanaman nanas. Sejumlah RM24.12 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan kesemua projek GMN ini. Sehingga kini terdapat projek-projek yang telah mendatangkan hasil iaitu penanaman pisang berangan, ternakan ikan tilapia, lembu fidlot dan tanaman cili fertigasi yang hasil jualannya sehingga September 2011 berjumlah RM2.41 juta dengan purata pendapatan tambahan yang diperolehi pengusaha RM1,200 sebulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jempol, Kerajaan telah mengenal pasti kawasan sesuai untuk melaksanakan projek tanaman nanas varieti N36 yang ditanam secara integrasi bersama tanaman getah. Berdasarkan kepada cadangan, projek ini akan dilaksanakan di lima (5) buah kawasan dalam Parlimen Jempol iaitu Palong 9, Palong 10, Palong

11, Palong 12 dan Palong 13 membabitkan bajet berjumlah RM16.2 juta.

Secara

keseluruhannya, projek ini akan dimajukan di kawasan seluas 1,099 hektar melibatkan 274 pengusaha. FELDA Palong 9 telah dipilih sebagai projek perintis melibatkan kawasan seluas 600 ekar bermula Ogos 2011 dan dijangka akan membuahkan hasil pada Oktober 2012. Program ini dijalankan dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM).

0)00000)0000000000

**NO. SOALAN: 18**

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL  
KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS  
\_\_\_\_\_ (2011)**

**PERTANYAAN            LISAN**

**DARIPADA                Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI (KUALA  
KRAI)**

**TARIKH                    13 OKTOBER 2011**

**SOALAN**

**Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli (Kuala Krai) minta PERDANA MENTERI menyatakan**

- (a) berapa orangkah yang diberikan tauliah mengajar agama Islam di Wilayah Persekutuan dalam tempoh 3 tahun lepas; dan
- (b) berapa orang telah didakwa kerana mengajar tanpa tauliah semenjak Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-undang Islam (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006 dikuatkuasakan.



**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI  
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 675 orang pemohon baru telah diberikan tauliah mengajar agama Islam di Wilayah Persekutuan dalam tempoh 3 tahun lepas dari tahun 2008 hingga 2010.
  
- b) Semenjak Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-undang Islam (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006 dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan sehingga kini, belum ada kes yang didakwa kerana mengajar agama Islam tanpa tauliah di bawah seksyen 11 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559).

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
JOSEPH PAIRIN KITINGAN  
[ KENINGAU ]**

**TARIKH**

**13 OKTOBER 2011 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kadar penembusan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) di Sabah setakat ini dan apakah usaha dilakukan untuk mencapai 50 peratus kadar penembusan menjelang penghujung tahun ini seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia (SKMM).

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, pelaksanaan Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) peringkat Negeri Sabah akan dilaksanakan pada 2012 di kawasan Menggatal. Kesemuanya, sambungan HSBB yang akan disediakan adalah sebanyak 505.



## SOALAN NO: 19

Walau bagaimanapun, bagi meningkatkan kadar penembusan jalur lebar isi rumah di Sabah kepada 50 peratus (50%), pelbagai usaha sedang dilaksanakan. Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan adalah:

- a) Menggalakkan pelanggan telefon melanggan jalur lebar mudah alih dengan memperkenalkan beberapa pakej jalur lebar mampu milik;
- b) Mempromosikan perkhidmatan jalur lebar talian tetap sedia ada;
- c) Mengadakan aktiviti promosi dan kesedaran di lokasi-lokasi tertentu. Setakat ini, aktiviti ini telah dilaksanakan di Sandakan, Tawau dan Papar;
- d) Meningkatkan liputan dan capaian jalur lebar kepada orang ramai melalui Program Komputer 1 Malaysia dan pelaksanaan Kampung Tanpa Wayar (KTW). Bagi program Komputer 1 Malaysia, setakat 31 Ogos 2011 sebanyak 56,654 unit netbook telah diedarkan manakala 131 buah lokasi KTW dari jumlah 500 lokasi telah siap dilaksanakan. Selebihnya akan disiapkan sebelum penghujung tahun 2012.

NO SOALAN: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

LISAN

PERTANYAAN :

DARIPADA

TARIKH

Y.B PUAN NURUL BINTI IZZAH  
ANWAR (LEMBAH  
PANTAI)

13.10.2011  
(KHAMIS)

SOALAN :

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- (a) jumlah kos projek sebenar Network Centric Operations (NCO) Angkatan Tentera Malaysia yang dianugerahkan kepada Syarikat Sapura Secured Technologies Sdn. Bhd. dan mengapa ia dianugerahkan menerusi tender terus; dan
- (b) kenapa '*roadmap*' dan juga 'Keperluan Staf Am', KESAM (*general service requirement, GSR*) tidak ditetapkan sebelum projek diluluskan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

**Program Pembangunan *Network Centric Operations* dirancang untuk dilaksanakan secara berfasa, bermula dari RMK-10 sehingga RMK-13 iaitu dalam tempoh 20 tahun. Buat masa ini, Syarikat Sapura Secured Technologies Sdn Bhd diberi tanggungjawab untuk membangunkan Program Pembangunan NCO ATM Fasa 1A yang melibatkan kos sebanyak RM 140 juta bagi tempoh dua (2) tahun. Bagi pembangunan fasa-fasa seterusnya adalah bergantung kepada prestasi dan kejayaan di dalam pembangunan Fasa 1A ini. Syarikat Sapura telah dipilih sebagai Peneraju Utama Program Pembangunan NCO ATM adalah berdasarkan kepada beberapa faktor seperti kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang pertahanan, keselamatan dan teknologi maklumat.**

Tuan Yang di-Pertua,

***Roadmap* untuk pembangunan NCO dirancang seiring dengan Pelan Pembangunan 5 tahun Rancangan Malaysia (RMK) dalam empat (4) fasa iaitu ;**

- (1) Fasa 1 (Tahun 2011 - 2015)**
- (2) Fasa 2 (Tahun 2016-2020)**

(3) Fasa 3 (Tahun 2021 - 2025)

(4) Fasa 4 (Tahun 2026 - 2030)

Perlu ditegaskan bahawa Program Pembangunan NCO ATM merupakan satu program pembangunan keupayaan (*capability development*) di mana ia sentiasa berubah mengikut keperluan dan input baru daripada setiap perkhidmatan. Oleh itu, segala keperluan *hardware* dan *software* tidak dapat dikenal pasti secara mudah dan memerlukan kajian serta perbincangan secara berterusan di antara pihak Tim Projek dan perkhidmatan.



**SOALAN NO. 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN TAN AH ENG  
[ GELANG PATAH ]

TARIKH 13 OKTOBER 2011 (KHAMIS)

**SOALAN**

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk keselamatan pemandu teksi yang semakin terancam.

**SOALAN NO.**

**21 JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN**  
**PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sedang meneliti beberapa langkah bagi menjamin keselamatan pemandu teksi ketika ini yang meliputi:

- (a) merangka Pelan Transformasi Teksi untuk menambahbaik perkhidmatan teksi di negara ini. Pelan ini akan mengambil kira segala aspek termasuk bagi memastikan keselamatan dan kebajikan pengusaha dan pemandu teksi tanpa mengabaikan mengutamakan kepuasan penumpang kepentingan;
- (b) mengkaji rekabentuk atau struktur badan kenderaan teksi bagi memastikan keselamatan pemandu teksi. Rekabentuk tersebut akan mengutamakan aspek keselamatan seperti memasang penghadang *fiber glass* antara tempat duduk pemandu dan penumpang seperti yang telah dilaksanakan di Beijing;
- (c) mengkaji pemasangan gajet seperti alat telekomunikasi dalam kenderaan bagi memudahkan pemandu teksi untuk berhubung terus dengan pihak berkuasa seperti Polis Di-Raja Malaysia (PDRM); dan
- (d) menggalakkan pemandu teksi menyertai Rakan Cop dan Kempen Perangi Rasuah Bersama Pemandu-Pemandu Teksi yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Pencegahan

## **SOALAN NO. 21**

Rasuah Malaysia (SPRM) yang bertindak sebagai 'mata-mata' kepada pihak berkuasa;

Sekian, terima kasih.

**NO. AUM :**

**■ & MO AI IP ■**

I'IU. r\*vwi

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN [ KULIM BANDAR  
BARU ]**

**TARIKH**

**13 OKTOBER 2011**

**RUJUKAN**

**4091**

**SOALAN:**

**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** minta **MENTERI  
DALAM NEGERI** menyatakan

(a) apakah tindakan dan langkah yang telah,  
sedang dan akan diambil terhadap penganjur himpunan haram 09  
Julai; dan

(b) bilakah pertuduhan jenayah terhadap  
Mohamad bin Sabu yang membawa cerita palsu dia dilanggar  
kendaraan PDRM pada 09 Julai itu akan dibawa.



JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Kulim yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), pihak polis telah membuat tangkapan ke atas ahli-ahli perhimpunan haram Bersih 2.0 yang enggan bersurai di sekitar Kuala Lumpur demi untuk mengekalkan keamanan. Sehubungan dengan itu, sebanyak 63 kertas siasatan telah dibuka keatas mereka.

Bagi menjawab soalan (b) pula, pihak Polis sedang membuat siasatan terhadap laporan yang dibuat dan keputusan siasatan akan dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH**

**[DUNGUN]**

## SOALAN NO. 21

**TARIKH**                      **13 OKTOBER 2011 (KHAMIS)**

### **SOALAN**

**YB Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [ Dungun ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan berapakah bilangan ibu tunggal dalam negara dan pecahan mengikut negeri dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah mereka yang mempunyai bilangan anak yang melebihi daripada dua (2) orang.





**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa peka terhadap bilangan keluarga ibu bapa tunggal terutama sekali ibu tunggal di seluruh negara. Berdasarkan maklumat Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010, seramai 831,860 wanita iaitu 2.9% daripada jumlah penduduk Malaysia adalah ibu tunggal.

Selangor mempunyai bilangan ibu tunggal yang paling tinggi iaitu seramai 125,393 orang yang mewakili 2.3% daripada jumlah penduduk Selangor manakala Putrajaya pula mempunyai bilangan ibu tunggal yang paling rendah iaitu seramai 834 orang yang mewakili 1.2% daripada jumlah penduduk Putrajaya.

Maklumat terperinci statistik mengikut negeri akan saya kemukakan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Pihak Kerajaan amat prihatin dengan cabaran yang dihadapi oleh ibu-ibu tunggal dalam menyara kehidupan keluarga mereka. Dalam hal ini, KPWKM menerusi agensi-agensi di bawahnya seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mempunyai beberapa skim dan program untuk membantu golongan ibu tunggal.

Sebagai contoh, JKM turut mengagihkan bantuan kebajikan masyarakat kepada ibu tunggal di bawah skim Bantuan Kanak-kanak (BKK). Bantuan ini bertujuan menampung persekolahan anak-anak ibu tunggal yang berusia bawah 18 tahun agar mereka tidak tercicir daripada mendapat pendidikan. Bagi tahun 2010, sebanyak RM 147.2 juta telah disalurkan kepada 98,846 orang anak ibu tunggal. Manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2011 sebanyak RM45.89 juta disalurkan kepada 43,316 orang anak ibu tunggal menerusi skim ini.

Selain itu, JKM menyediakan bantuan kewangan kepada keluarga ibu tunggal miskin menerusi skim Bantuan Am. Bagi tahun 2010, sebanyak RM42.3 juta telah disalurkan kepada 22,611 keluarga ibu tunggal miskin

menerusi skim ini. Manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2011, sebanyak 39,270 keluarga ibu tunggal miskin telah menerima bantuan kewangan yang melibatkan peruntukan berjumlah RM11.14 juta.

Penerima bantuan JKM juga digalakkan untuk berusaha memperbaiki tahap sosioekonomi mereka dan tidak bergantung sepenuhnya kepada bantuan kebajikan. Insentif dalam bentuk Geran Pelancaran disediakan untuk penerima bantuan termasuk ibu tunggal yang ingin menjalankan perniagaan bagi menjana pendapatan. Pada tahun 2010, sebanyak RM596.515 telah disalurkan kepada 244 orang ibu tunggal. Manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2011, sejumlah RM110,270 telah disalurkan kepada 49 orang ibu tunggal sebagai modal permulaan untuk menjalankan perniagaan.

Menerusi JPW, KPWKM menjalankan program pengupayaan sosioekonomi ibu tunggal di bawah aktiviti keusahawanan atau lebih dikenali sebagai Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT). Dalam hal ini, JPW menjalankan program keusahawanan dalam bidang komersil seperti jahitan, kecantikan,

pembuatan pastri, kraftangan, asuhan kanak-kanak, penyediaan makanan dan pelancongan bagi melatih mereka menjadi usahawan yang berjaya. Program ini dilaksanakan di seluruh negara melalui latihan kemahiran dan pendidikan asas keusahawanan.

Bermodalkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan bimbingan yang diperolehi melalui program ini, peserta program dapat menjana pendapatan melalui perniagaan yang dijalankan sama ada di rumah mahu pun di premis- premis perniagaan. Program I-KIT telah dimulakan pada tahun 2008, dan sehingga Ogos 2011 seramai 2,453 orang ibu tunggal telah mengikuti program yang dijalankan di mana 275 daripada jumlah tersebut telah berjaya menjalankan perniagaan ataupun mendapat kerjaya berdasarkan kemahiran yang diperolehi.

Selain itu, JPW juga melaksanakan program pemerksaan ibu tunggal yang berorientasikan seminar, forum dan bengkel seperti peningkatan sendiri, penjagaan kesihatan dan kepimpinan bagi membangunkan kapasiti wanita, termasuk ibu-ibu tunggal agar mereka mempunyai tahap

keyakinan yang lebih tinggi dan bermotivasi untuk mencapai kejayaan serta menikmati kehidupan yang lebih baik.

Sehubungan itu, KPWKM dengan kerjasama pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) telah berjaya menjalankan sebanyak 23 program pembangunan wanita dengan peruntukan sebanyak RM426,660. Program ini telah memberi manfaat dan faedah kepada ibu tunggal di seluruh negara dari tahun 2005 hingga 2011.

**DARIPADA** **TUAN TONY PUA KIAM WEE**  
**(PETALING JAYA UTARA)**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**TARIKH** **13.10.2011**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab syarikat-syarikat GLC diarahkan supaya segala tindakan mahkamah ke atas Tan Sri Tajuddin Ramli dilepaskan dan peguam Hafarizam Wan & Aisha Mubarak dilantik untuk menggantikan kesemua peguam yang mengendalikan kes pada masa ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

## SOALAN NO.25

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Untuk makluman Yang Berhormat, soalan yang serupa telah ditimbulkan oleh YB Ipoh Timur pada 4 Oktober 2011 (Selasa) dan jawapan telah diberikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, iaitu kes yang melibatkan Tan Sri Tajuddin Ramli, dan badan berkaitan kerajaan iaitu GLC kini berada diperingkat pengurusan kes (*case management*) di mahkamah. Oleh yang demikian, tiada sebarang komen dapat diberikan kerana perkara ini adalah subjudis dari segi perundangan.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SERI ONG KA CHUAN

[ TANJUNG MALIM ]

TARIKH 13 OKTOBER 2011 (KHAMIS)

### SOALAN

Dato' Seri Ong Ka Chuan (Tanjung Malim) minta PERDANA MENTERI menyatakan prestasi kewangan perkhidmatan kereta api elektrik bagi laluan Kuala Lumpur - Ipoh sejak ia diperkenalkan. Adakah perkhidmatan ini telah berupaya menarik lebih ramai penumpang untuk menggunakan pengangkutan rel.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**JAWAPAN:**            **YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MAS LAN**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN**  
**PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan *Electric Train Set* (ETS) telah mula dilancarkan pada 12 Ogos 2010 dengan menawarkan 12 perkhidmatan sehari merangkumi sektor Kuala Lumpur Sentral - Ipoh sejauh 208 km dan Ipoh - Seremban sejauh 280 km. Bermula 1 Mei 2011, jumlah perkhidmatan ETS telah ditambah dari 12 kepada 14 perkhidmatan sehari. Pada tarikh tersebut juga ETS telah memperkenalkan tiga (3) perkhidmatan baru iaitu Super Ekspress (*Platinum*), Ekspress (*Gold*) dan Transit (*Silver*).

Sejak perkhidmatan ETS mula diperkenalkan pada 12 Ogos 2010, jumlah pendapatan yang terkumpul sehingga 31 Ogos 2011 bagi sektor Kuala Lumpur - Ipoh ialah RM19,958,815 manakala jumlah penumpang ialah sebanyak 709,081. Prestasi perkhidmatan ETS menunjukkan graf peningkatan yang amat baik dengan peningkatan pendapatan bulanan sebanyak 4.7 kali ganda (469%) manakala penumpang sebanyak 2.4 kali ganda (240%) berbanding bulan pertama ianya beroperasi. Secara purata, peningkatan pendapatan ETS dalam tahun 2011 (sehingga bulan Ogos) ialah 7% sebulan

## SOALAN NO.26

manakala penumpang 10% sebulan.





tahun 2011. Sehingga Julai 2011, KPM telah memberi fokus kepada 5 daripada 12 kursus yang telah dirancang iaitu berkaitan dengan bahasa dan komunikasi pelbagai kaum utama di negara ini. Setakat ini kursus tersebut telah berjaya yang menarik seramai 64 orang peserta. Peserta adalah terdiri daripada para guru dan anggota khidmat sokongan. Usaha ini adalah untuk meningkatkan lagi kefahaman mereka terhadap gagasan 1 Malaysia selain menitikberatkan konsep perpaduan khususnya melalui penerapan bahasa dan serta pemahaman nilai silang budaya ini.

KPM berkeyakinan bahawa semua program dan aktiviti ini bukan sahaja dapat melahirkan generasi yang berupaya membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian, tetapi mewujudkan satu jambatan yang menghubungkan sekolah-sekolah pelbagai aliran di bawah satu aspirasi nasional yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha menerapkan gagasan 1 Malaysia, KPM tidak hanya fokus melalui kursus semata-mata malah telah bertindak secara proaktif dengan menyerapkan konsep gagasan tersebut dalam kurikulum dan aktiviti kokurikulum serta memberi penjelasan kepada guru dan murid sepanjang sesi persekolahan. Melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan, KPM telah melaksanakan beberapa strategi, termasuklah:

- i. Menggunakan kurikulum Kebangsaan di semua sekolah dalam sistem pendidikan kebangsaan;
- ii. Menjadikan Bahasa Kebangsaan bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan;
- iii. Mewajibkan Bahasa Kebangsaan diajar di institusi yang bahasa pengantar utama bukan Bahasa Kebangsaan;
- iv. Menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras di Sekolah menengah;
- v. Memperkukuhkan pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina(SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil(SJKT);
- vi. Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan;
- vii. Mengadakan pengajaran Bahasa Etnik di sekolah jika didapati munasabah dan praktik berbuat demikian serta jika ibu bapa sekurang-kurangnya 15 orang murid di sekolah itu memintanya; dan
- viii. Memastikan setiap aktiviti kokurikulum mengikut komposisi kaum.

No. Soalan:  
[27]PR-1243-  
L47093

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN BAGI  
JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**JAWAB LISAN  
YB DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN  
HAJI DOLAH [ IGAN ]**

**TARIKH**

**13 OKTOBER 2011**

**SOALAN**

**Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah [ Igan ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah perlu kita menghantar askar-askar kita ke negara-negara yang bertelagah.

Tuan Yang Di Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Igan bersama soalan dari Yang Berhormat Pendang bertarikh 23 November 2011 kerana soalan tersebut menyentuh perkara yang sama dan berkaitan.

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat di atas soalan-soalan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Penghantaran pasukan keselamatan Malaysia ke negara-negara “yang bertelagah” adalah dibuat atas permintaan PBB dengan tujuan untuk membantu memastikan keamanan dan keselamatan dunia adalah terpelihara. Sehingga kini, Malaysia telah menghantar lebih 26,000 orang tentera Malaysia ke lebih 20 misi pengaman PBB semenjak tahun 1960 iaitu Operasi PBB di Congo (*United Nations Operation in Congo - ONUC*).

4. Melalui penglibatan tentera kita dalam misi pengaman PBB ini, kita telah dapat menyumbang kepada proses perdamaian dan meredakan konflik dari terus menggugat kestabilan politik dan ekonomi serantau dan global. Di samping itu, pasukan pengaman kita juga dapat didedahkan kepada pelbagai pengalaman berharga yang dapat diamalkan dengan sebaiknya oleh tentera- tentera kita dalam menghadapi sebarang krisis atau ancaman kepada negara.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Dalam tempoh 51 tahun penglibatan Malaysia dalam misi pengaman PBB, seramai 26 orang anggota tentera kita telah terkorban. Banyak lagi yang telah tercedera. Di pihak awam pula, baru-baru ini kita telah pun mengetahui pengorbanan seorang wartawan iaitu Saudara Nuramfaizul Mohd Nor, jurukamera BERNAMA yang meninggal dunia sewaktu menyertai satu misi kemanusiaan menyampaikan bantuan makanan kepada penduduk Somalia pada bulan Ogos yang lepas. Sesungguhnya pengorbanan mereka ini haruslah kita jadikan dorongan supaya kita berusaha dengan lebih gigih lagi untuk memainkan peranan yang aktif demi menyumbang kepada keamanan dan kemakmuran masyarakat dunia.

Sekian, terima kasih.

No. Soalan:  
[28JPR-1243-  
L46928

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DAN JAWAB LISAN  
JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
DARIPADA**

**YB DATO' NGEH KOO HAM  
[BERUAS]**

**TARIKH  
SOALAN**

**13 OKTOBER 2011**  
**YB Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]**  
minta **MENTERI LUAR NEGERI**  
menyatakan apakah bantuan yang  
diberikan kepada keluarga Hema  
Kassipillay, seorang warganegara  
Malaysia yang meninggal dunia di  
Bombay akibat serangan letupan bom.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Mendiang Puan Hemalatha Kassipillai, seorang rakyat Malaysia telah terkorban dalam tragedi pengeboman oleh pengganas di Hotel Taj Mahal Palace, Mumbai pada 26 November 2008. Kementerian telah mengambil tindakan membuka bilikgerakan yang beroperasi 24 jam dan melancarkan gerakan mencari mendiang di hotel dan semua rumah mayat di hospital di sekitar Mumbai setiap hari dengan bantuan sepenuhnya dari semua agensi kerajaan tempatan.

3. Kementerian juga telah membantu keluarga mendiang dalam segala urusan penyelarasan logistik dan keperluan pentadbiran untuk membawa pulang mayat mendiang melalui pesawat Penerbangan Malaysia pada malam 30 November 2008 (Ahad) dan telah selamat tiba di KLIA pada awal pagi 1 Disember 2008 (Isnin).

4. Kerajaan Negeri Maharashtra, India telah membayar pampasan kepada waris mendiang Puan Hemalatha Kassipillai sebanyak Rs.525,000.00 bersamaan RM39,150.30 dan telah



**JAWAPAN:**

dikreditkan kepada warisnya, Puan Nishalini a/p Sivakumaran pada 30 Januari 2009.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan Malaysia amat prihatin terhadap nasib dan kebajikan rakyat Malaysia yang berada di luar negara. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk membantu rakyat Malaysia yang berada di dalam kesusahan atau mengalami kesulitan semasa berada di luar negara termasuk memastikan hak-hak asasi rakyat kita dilindungi, sebagai mana yang diperuntukkan di bawah undang-undang tempatan negara tersebut dan juga undang-undang antarabangsa. Namun begitu, usaha tersebut haruslah tertakluk kepada prinsip-prinsip menghormati kedaulatan dan undang-undang negara-negara lain dan juga undang-undang antarabangsa.

6. Sehubungan dengan ini, saya berharap penjelasan di atas dapat mencerminkan usaha dan iltizam Kementerian ini dalam usaha membantu rakyat Malaysia di luar negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**NO. SOALAN : 29**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI  
HAMZAH [JASIN]

TARIKH JAWAPAN : 13 OKTOBER 2011 (SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan *outcome* komitmen Kerajaan untuk menjadikan teknologi hijau sebagai salah satu pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara yang mampan dan sekaligus menyelamatkan alam sekitar.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Semenjak YAB Perdana Menteri melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara pada 24 Julai 2009, pelbagai inisiatif dan program telah dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) bagi memacu pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara selaras dengan pembangunan yang mapan (sustainable development). Antaranya ialah penstrukturan semula Pusat Tenaga Malaysia kepada Malaysian Green Technology Corporation, penubuhan Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI), pengenalan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS), pelaksanaan Projek Perbandaran Hijau bagi Putrajaya dan Cyberjaya, Perolehan Hijau dan Pelabelan Eko, pengenalan kepada penggunaan Kenderaan Elektrik, Persidangan dan Pameran Antarabangsa Teknologi Hijau dan Eko-Produk (IGEM 2010 dan IGEM 2011) dan aktiviti promosi seperti Roadshow Teknologi Hijau yang telah diadakan dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri, Karnival Komuniti Hijau dan pelbagai aktiviti-aktiviti yang lain.

Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) yang telah diumumkan oleh

YAB Perdana Menteri pada Bajet 2010 menyediakan dana yang berjumlah RM1.5 bilion untuk membolehkan syarikat pengeluar dan syarikat pengguna memohon pembiayaan bagi membiayai projek-projek yang dikenal pasti sebagai projek berteknologi hijau. Di bawah skim ini, Kerajaan menanggung dua peratus daripada jumlah kadar faedah setahun dengan jaminan Kerajaan sebanyak 60 % daripada jumlah pinjaman yang diluluskan oleh institusi kewangan. Setakat ini, sebanyak 103 projek telah pun menerima Persijilan Hijau dan melayakkan mereka untuk memohon pinjaman dari institusi kewangan di bawah program GTFS. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 24 syarikat telah ditawarkan pembiayaan berjumlah RM350.5 juta. Impak daripada pelaksanaan projek tersebut adalah pengurangan pembebasan karbon yang dijangkakan sebanyak 557,080 *ton CO<sub>2</sub>* setahun dan mewujudkan sejumlah 151 pekerjaan dalam sektor teknologi hijau. Ini tidak termasuk bilangan pekerja-pekerja berkaitan pembangunan projek berkenaan serta kontraktor dan sub-kontraktor projek.

Untuk Makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kementerian saya juga bekerjasama dengan SIRIM Berhad dan Kementerian Kewangan untuk memperkenalkan program perintis dalam

perolehan hijau dan pelabelan eko. Program ini berupaya mewujudkan lebih banyak produk dan perkhidmatan eko yang mesra alam untuk dipasarkan serta menambah lebih banyak pilihan kepada pengguna. Antara *output* program perintis ini adalah Garis Panduan Perolehan Hijau, Manual Perolehan Hijau, dan pembangunan dalam bidang keusahawanan hijau. Sehingga kini, SIRIM Berhad telah membangunkan sebanyak 21 kriteria produk berteknologi hijau. Selain itu, bermula pada bulan Oktober 2010, Malaysia secara rasmi telah menjadi ahli kepada Global Eco- Labelling Network (GEN) yang mana boleh dijadikan sebagai platform dalam merebut peluang serta menerokai pasaran dan produk/perkhidmatan eko ke peringkat antarabangsa.

Usaha membangunkan perbandaran hijau juga giat dilaksanakan apabila Putrajaya dan Cyberjaya telah dijadikan bandar perintis dalam usaha mewujudkan perbandaran hijau di Malaysia. Usaha ini amat positif apabila banyak pihak-pihak yang menunjukkan minat untuk mewujudkan pembangunan rendah karbon di negara ini. Sebagai contoh, negeri Melaka yang sedang merancang untuk ke arah bandar teknologi hijau. Bagi tujuan itu, Kementerian saya telah menyediakan satu sistem yang memberi

panduan dalam perancangan dan pembangunan sesebuah perbandaran rendah karbon. Sistem yang dinamakan sebagai *Low Carbon Cities Framework and Assesment System* telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 September 2011 yang lalu semasa Persidangan dan Pameran Antarabangsa Teknologi Hijau dan Eko-Produk 2011 (IGEM2011).

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam usaha menggalakkan pembangunan dan pelaburan sektor teknologi hijau, KeTTHA telah berjaya menganjurkan Persidangan dan Pameran Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko (*International Greentech & Ecoproducts Exhibition & Conference Malaysia - IGEM*) sebanyak dua (2) kali iaitu IGEM2010 dan IGEM2011 bertempatdi Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Penganjuran IGEM adalah bertujuan untuk mewujudkan kesedaran di antara pengguna dan pihak industri mengenai kepentingan aplikasi teknologi hijau dalam menangani isu-isu mengenai perubahan iklim dan alam sekitar di samping mempromosikan kemajuan produk-produk teknologi hijau.

Untuk makluman, penganjuran IGEM2011 pada 7 hingga 10 September

2011 telah berjaya menjana sebanyak RM1,352,122,980 (RM 1.3 bilion) transaksi dan potensi perniagaan melalui tujuh *Business Matching Sessions* yang telah dijalankan sepanjang IGEM2011. IGEM2011 juga mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dan mencatatkan peningkatan dalam bilangan penyertaan dengan 610 *booth* . Jumlah syarikat yang terlibat juga turut meningkat iaitu sebanyak 353 syarikat iaitu peningkatan sebanyak 27% berbanding tahun lepas (277 syarikat sahaja). Daripada jumlah penyertaan pameran ini, sebanyak 163 adalah merupakan syarikat luar negara sementara 190 adalah syarikat tempatan.



No. Soalan:  
[30]PR-1243-  
L46010

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN BAGI  
JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :       JAWAB LISAN**

**DARIPADA               YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]**

**TARIKH                   13 OKTOBER 2011**

**SOALAN**

**YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]**  
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan  
apakah bentuk sokongan yang telah diberikan  
oleh Kerajaan Malaysia kepada rakyat Malaysia  
yang diancam bahaya di luar negara, dan  
bagaimana Kementerian dapat membantu di

dalam memastikan mereka dapat pulang dengan selamat ke tanah air.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Libaran atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negara sentiasa bersiapsiaga dalam menghadapi sebarang kemungkinan seperti kecemasan, bencana alam, krisis politik atau peperangan.

3. Secara dasarnya, semua Perwakilan Malaysia di luar negara mempunyai Pelan Kontigensi masing-masing berpandukan kepada Arahan Keselamatan Kerajaan Malaysia. Pelan Kontigensi ini merangkumi 4 tahap kesiapsiagaan iaitu Tahap Hijau, Kuning, Jingga dan Merah. Tahap Hijau menggambarkan keadaan stabil, aman dan tenteram. Tahap Kuning menggambarkan kekacauan dan ketegangan telah mula berlaku tetapi keadaan masih lagi terkawal. Tahap Jingga di mana keadaan dan situasi sekeliling menjadi semakin kritikal. Tahap yang terakhir adalah Tahap Merah di mana keadaan sudah tidak terkawal, kritikal, bahaya dan boleh mengancam keselamatan. Tahap kesiapsiagaan di sesebuah Perwakilan itu bergantung kepada penilaian Ketua Perwakilan berdasarkan kepada situasi semasa di negara tersebut.

4. Selain itu, Perwakilan Malaysia sentiasa memastikan semua maklumat bagi warganegara Malaysia yang menetap di luar negara dikemaskini dan mengandungi maklumat yang lengkap seperti alamat tempat tinggal dan nombor perhubungan di negara berkenaan. Catatan

daftar ini memudahkan Perwakilan Malaysia untuk mengenalpasti lokasi rakyat Malaysia yang menetap di luar negara semasa kecemasan. Selain daripada itu, rakyat Malaysia juga dinasihatkan agar mengelak daripada mendiami kawasan-kawasan yang berisiko tinggi seperti kawasan penempatan setinggan, kawasan berhampiran penjara dan kawasan-kawasan hitam yang sering berlakunya kegiatan jenayah.

5. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, setiap rakyat Malaysia yang menetap atau berhasrat untuk menetap di luar negara telah dimaklumkan melalui notis yang terkandung di bahagian belakang Pasport Antarabangsa Malaysia untuk mendaftarkan nama dan alamatnya semasa berada di luar negara di Pejabat Perwakilan Malaysia berhampiran. Adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia yang menetap di luar negara untuk berdaftar di Pejabat Perwakilan Malaysia. Dalam memudahkan urusan pendaftaran rakyat Malaysia yang menetap di luar negara, urusan pendaftaran kini boleh dilakukan secara atas talian (online) melalui laman sesawang Kementerian Luar Negeri iaitu [www.kln.gov.my](http://www.kln.gov.my).

6. Kerajaan sentiasa mengambil berat dan prihatin akan keadaan rakyatnya di luar negara terutamanya yang di tempat-tempat yang dilanda kecemasan seperti peperangan, bencana dan sebagainya. Kementerian Luar Negeri sedia menghulurkan bantuan dari segi sokongan logistik dan pentadbiran serta nasihat perjalanan untuk rakyat Malaysia yang terkandas dan juga membawa pulang rakyat Malaysia yang menghadapi krisis di luar negara ke Malaysia.

7. Sebagai kesimpulan, Kementerian Luar Negeri sentiasa siapsiaga  
**JAWAPAN:** dan beriltizam untuk membantu rakyat Malaysia di luar negara.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN : 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :            DATUK IR HAJI IDRIS   BIN HAJI  
                                 HARON [ TANGGA BATU ]**

**DARIPADA                13 OKTOBER 2011**

**TARIKH  
LISAN**

**RUJUKAN                4092**

**SOALAN:**

**Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah peranan "Policing Community" yang dilancarkan di beberapa negeri oleh PDRM dapat menurunkan indeks jenayah. Adakah kemungkinan ia akan disalahgunakan oleh

pihak yang tidak bertanggungjawab.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Tangga Batu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pencegahan jenayah sememangnya telah termaktub di bawah peranan dan fungsi Pasukan Polis seperti dinyatakan di dalam Sek 3 (3) Akta Polis 1967, iaitu Pengesanan dan Pencegahan Jenayah. Kehadiran Polis (*Police Omnipresence*) sememangnya sinonim dengan konsep pencegahan jenayah. Walau bagaimanapun, kehadiran polis sahaja, iaitu tindakan yang dilakukan oleh polis seperti bit, patrol dan sistem sektor, tidak sama sekali dapat memperolehi kejayaan tanpa penglibatan masyarakat. Oleh yang demikian, konsep **Community Policing** atau **Kepolisian Masyarakat** telah dijadikan sebagai satu konsep yang melibatkan masyarakat bersama PDRM dalam pencegahan jenayah dan ianya merupakan salah satu teras utama dalam Pelan Strategik Lima Tahun (PS5T) PDRM 2007-2011.

Tuan Yang di-Pertua,

*Community Policing* memerlukan polis dan masyarakat bersama-sama bekerjasama secara proaktif sebagai rakan seperjuangan dalam mengenalpasti dan menangani isu-isu berkaitan jenayah dan gejala sosial. Tindakan proaktif ini melibatkan dua pihak iaitu pihak Polis yang menyediakan perkhidmatan seperti bit, rondaan sektor, patrol, kereta peronda (MPV) dan sebagainya, serta masyarakat



yang melaksanakan langkah-langkah pencegahan seperti pemasangan *surveillance gadgets* di premis perniagaan, rumah dan harta benda.

Pendekatan yang diambil oleh kerajaan ternyata telah menunjukkan kesan yang positif. Ini terbukti dengan penurunan kadar jenayah indeks dan jenayah jalanraya dari tahun 2009 hingga kini. Mengikut statistik dari PDRM jumlah kes jenayah indeks telah menurun sebanyak 9.8% dari tahun 2010 hingga 2011.

Statistik juga menunjukkan bahawa masyarakat merasa lebih yakin dan selamat sekarang berbanding dengan tahun 2009. Pada tahun 2009, tahap keyakinan masyarakat terhadap kemungkinan menjadi mangsa jenayah berada pada tahap 58.5%. Sehingga Mei 2011 tahap ini telah menurun kepada 48.9%. Kerajaan telah mensasarkan penurunan sebanyak 50%. Ini menunjukkan bahawa kerajaan telah berjaya melebihi sasaran yang telah ditetapkan sebanyak 1.1% dari sasaran asal.

Berdasarkan kepada huraian di atas, maka jelas bahawa langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan melalui program '*Community Policing*' telah menunjukkan impak yang positif terhadap usaha mengurangkan kadar jenayah di negara ini. Masyarakat juga merasa lebih selamat berbanding dua tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius tentang keselamatan masyarakat setempat. *Community Policing* yang dilaksanakan tidak akan disalahgunakan kerana program ini melibatkan pegawai dan anggota Polis DiRaja Malaysia yang benar-benar layak dan telah melalui proses pemilihan yang sangat ketat agar dapat memikul sebarang amanah yang dipertanggungjawabkan.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL**

**[LABUAN]**

**TARIKH 13 OKTOBER 2011 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [ Labuan ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

## SOALAN NO. 21

menyatakan statistik warga tua dan ibu tunggal yang terdapat di Labuan dan nyatakan apakah jenis bantuan-bantuan kebajikan yang telah disalurkan kepada mereka.  
Tuan Yang Dipertua,

Merujuk maklumat Band Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010, seramai 831,860 wanita iaitu 2.9% daripada jumlah penduduk Malaysia adalah ibu tunggal. Statistik di Labuan menunjukkan seramai 1,495 orang iaitu sebanyak 1.7% daripada penduduk Labuan adalah ibu tunggal.

Manakala seramai 3,483 orang atau 4% daripada jumlah penduduk di Labuan adalah warga emas. Pecahan umur warga emas boleh diklasifikasikan kepada warga emas yang berumur 60 hingga 64 tahun seramai 1,398 orang, warga emas yang berumur 65 hingga 69 tahun seramai 887 orang, warga emas yang berumur 70 hingga 74 tahun seramai 539 orang dan warga emas yang berumur 75 tahun ke atas seramai 659 orang.

Bantuan kebajikan masyarakat yang diberikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui

**JAWAPAN:**

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada kumpulan sasar, termasuk warga emas dan ibu tunggal di Labuan adalah seperti berikut:

RM300 sebulan seorang di bawah skim Bantuan Orang Tua (BOT) diberikan kepada warga emas yang tinggal sebatang kara dan menghadapi masalah kewangan. Pada tahun 2010, seramai 135 orang warga emas telah menerima bantuan ini yang melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM401,400. Bagi tempoh bulan Januari hingga bulan Jun 2011, seramai 127 orang warga emas menerima bantuan ini di Labuan dengan perbelanjaan sebanyak RM267,300;

Seramai 90 orang ibu tunggal menerima bantuan di bawah skim Bantuan Kanak-Kanak (BKK), melibatkan peruntukan sebanyak RM 162,000 bagi tempoh bulan Januari hingga bulan Jun 2011. Kadar bantuan yang diberikan adalah antara RM100 hingga maksimum RM450 sekeluarga sebulan. Bantuan ini adalah untuk penyaraan kanak-kanak bagi memastikan keperluan dan persekolahan mereka tidak terjejas; dan

Seramai 56 orang ibu tunggal menerima Bantuan Am (BA) dengan perbelanjaan sebanyak RM67,200. Kadar bantuan yang diberikan

adalah antara RM80 hingga RM350 sebulan sekeluarga bergantung kepada bilangan ahli isi rumah.

Selain itu, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) pula telah menyediakan pelbagai bantuan dan pertolongan yang merangkumi pelaksanaan program serta perkhidmatan bagi meningkatkan tahap sosio-ekonomi keluarga ibu tunggal agar mereka dan ahli keluarga masing-masing mampu mencapai kualiti hidup yang lebih kondusif.

Antara program dan perkhidmatan yang telah dilaksanakan di Labuan adalah seperti berikut:

- i. Pengupayaan sosio-ekonomi ibu tunggal menerusi aktiviti keusahawanan atau lebih dikenali sebagai Inkubator-Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT). Sebanyak 3 program telah dilaksanakan pada tahun 2011 yang melibatkan penyertaan 53 orang ibu tunggal dengan peruntukan sebanyak RM61.570;
  
- ii. Pemerksaan ibu tunggal menerusi pelaksanaan program pembangunan kapasiti seperti Bengkel Latihan Intensif Bahasa Inggeris. Bengkel ini melibatkan penyertaan 50 orang ibu tunggal dengan peruntukan sebanyak RM14.800; dan

Kesejahteraan emosi ibu tunggal menerusi perkhidmatan kaunseling dan program pengurusan emosi. Dalam hal ini, satu Majlis Dialog Memperkasakan Ibu Tunggal telah diadakan pada tahun 2011 melibatkan penyertaan seramai 142 orang ibu tunggal dengan peruntukan sebanyak RM 15,000.00. Antara agensi yang terlibat dalam penganjuran majlis ini adalah JPW, JKM, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Amanah Ikhtiar Malaysia dan Amanah Raya Bhd.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN LIM KIT SIANG**

**[ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH**

**13 OKTOBER 2011 ( KHAMIS )**

### **SOALAN**

**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **PERDANA**

**MENTERI**

menyatakan KPI yang

telah

dicapai oleh firma media FBC yang

di undang

**SOALAN NO: 102**

Kerajaan di bawah 'Global Strategic Communication Campaign' dalam maksud B.6 Akta Perbekalan Tambahan (2008) 2009 dan Akta Perbekalan Tambahan (2009) 2010.  
Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah mendapatkan khidmat juru perunding FBC Media (UK) bagi menyediakan perkhidmatan perunding, nasihat dan menguruskan kempen komunikasi bermula pada tahun 2007. Kontrak selama setahun itu telah disambung sebanyak dua kali dan ditamatkan pada tahun 2010. Nilai kontrak untuk tiga tahun itu ialah Euro 19.6 juta.

Di dalam perjanjian tersebut telah di tetapkan dengan terperinci segala perancangan dan pelaksanaan pelan komunikasi yang perlu dilakukan oleh FBC Media bagi membolehkan pembayaran dibuat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA PUAN CHONG ENG  
[ BUKIT MERTA JAM ]  
TARIKH 13 OKTOBER 2011  
SOALAN



## **JAWAPAN:**

Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ] minta MENTERI KESIHATAN sama ada kanak-kanak kurang upaya didaftarkan mengikut jenis kekurangannya. Nyatakan bilangan kanak-kanak autistik, down syndrome, kecacatan tubuh dan terencat akal. Apakah kemudahan rawatan yang disediakan bagi kanak-kanak ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Pendaftaran kanak-kanak kurang upaya didaftarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia mengikut jenis kekurangannya dan terdapat 7 kategori OKU seperti berikut:

- i. KurangUpaya Pendengaran
- ii. KurangUpaya Penglihatan
- iii. Kurang Upaya Pertuturan

- iv. Kurang Upaya Fizikal
- v. Masalah Pembelajaran
- vi. Kurang Upaya Mental
- vii. Kurang Upaya Pelbagai

Bagi tahun 2010 jumlah kes baru yang dikesan oleh Kementerian Kesihatan adalah sebanyak 1,925. Dari jumlah tersebut sejumlah 317 kanak-kanak mengalami kurang upaya fizikal, 344 mengalami masalah Sindrom Down, 99 adalah kes autisme dan 84 mengalami masalah terencat akal.

Semua kanak-kanak yang didaftar sebagai Kanak-Kanak OKU diberi rawatan percuma di mana-mana fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia. Perkhidmatan yang disediakan termasuk pemeriksaan kesihatan secara berkala yang merangkumi penilaian pertumbuhan dan status pemakanan, penilaian tahap perkembangan dari segi fizikal, mental dan sosial, pemberian imunisasi dan perkhidmatan pergigian.

Rehabilitasi bagi kanak-kanak ini disediakan di semua hospital dan di 242 klinik kesihatan diperingkat kesihatan primer. Terapi asas disediakan oleh jururawat terlatih dan diselia oleh jurupulih anggota dan carakerja. Aktiviti rehabilitasi yang disediakan merangkumi pemulihan bagi masalah motor kasar, motor halus, pertuturan dan komunikasi, kemahiran urus diri serta kemahiran bersosial.

KKM juga menjalankan lawatan ke rumah bagi kanak-kanak OKU yang baru



Manakala bilangan calon yang mengikuti Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) bagi tahun 2006 adalah 73,691 orang yang terdiri daripada 67.3 % bumiputera dan 32.7 % bukan bumiputera; tahun 2007 pula adalah 66,048 orang (iaitu 62.1 % Bumiputera dan 37.9% bukan bumiputera); tahun 2008 adalah 53,655 orang (68 % Bumiputera dan 32 % bukan bimuputera; tahun 2009 adalah 55,669 orang (69.4 % Bumiputera dan 30.6 % bukan bumiputera); dan tahun 2010 adalah 53,671 orang (67.4 % bumiputera dan 32.6 % bukan bumiputera).

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peperiksaan kedua-dua sistem pengajian ini adalah berbeza kerana STPM dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), manakala Matrikulasi dikendalikan oleh Bahagian Matrikulasi, KPM. Namun begitu, kedua-dua peperiksaan bagi program ini digubal dan ditaksir oleh badan bebas untuk menjamin kualiti dan ketelusan. Piawai dan aras kesukaran ditentukan oleh pihak bebas dan bukan merupakan peperiksaan dalaman.

KPM juga telah menyamaratakan silibus Matrikulasi dan STPM berdasarkan subjek yang sama di kedua program/peringkat tersebut. Dari segi silibus dan mutu, adalah setara. Namun demikian, perbezaan di antara kedua program tersebut adalah melalui kaedah pelaksanaan dan tempoh program. Program Matrikulasi dijalankan dalam dua semester atau satu tahun dan peperiksaan akhir diadakan setiap akhir semester, manakala STPM dikendalikan selama satu setengah tahun dan peperiksaan dijalankan hanya sekali di akhir program iaitu semasa peringkat Tingkatan Enam Atas. KPM sedang merancang untuk melaksanakan peperiksaan STPM mengikut sistem modular iaitu sistem yang sama sebagaimana yang dilaksanakan seperti program matrikulasi.



berkerjasama dengan Kementerian Luar Negeri bagi memastikan pelajar-pelajar yang layak mengundi dapat menunaikan tanggungjawab mereka. Kementerian Luar Negeri telah dilantik oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya bagi menyelaraskan proses pengundian kepada semua rakyat Malaysia di luar negara termasuk pelajar.

**PERTANYAAN                      LISAN**

**DARIPADA                      TUAN LIANG TECK MENG**

**[ SIMPANG RENGAM ]**

**TARIKH JAWAPAN :      13 OKTOBER 2011**

#### **SOALAN**

Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan strategi-strategi yang sedang diambil untuk mengatasi masalah internet Telekom Malaysia (TM) yang selalu mengalami masalah "*connectivity*". Masalah ini ketara dalam tempoh penggunaan kemuncak (*peak usage*).

f

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Strategi Telekom Malaysia dalam mengatasi masalah-masalah serta memperbaiki mutu perkhidmatan adalah seperti berikut:

- 1) menaikkan prasarana *Broadband Remote Access Server* (BRAS) sedia ada bagi membolehkan pengawalan aliran trafik internet yang lebih cekap.
- 2) menaikkan akses serta peralatan pendawaian E1 dan peralatan *Digital Subscriber Line Access Multiplexer* (DSLAM) yang menjadi penghubung antara ibusawat dan pengguna.
- 3) penggantian modem pelanggan kepada yang lebih fleksibel dan berkualiti.
- 4) menaikkan rangkaian melalui migrasi kepada teknologi penyambungan *Pseudo-wire* yang lebih cekap.
- 5) Pemantauan berterusan bagi mengurangkan masalah talian kerap terputus serta pemantauan prestasi "*End-to-End*", "*Throughput*" serta "*Roundtrip*" bagi talian-talian penghubung utama.

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. DR. TAN SENG GIAW**

**(KEPONG)  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**TARIKH**

**13.10.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan kesedaran sebenar *SchoolNet* dan *IBistarinet* di semua sekolah di negara ini. Setakat mana *IBistarinet* boleh dibandingkan dengan negara-negara seperti Korea Selatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga tahun 2010, rangkaian *SchoolNet* telah selesai disambungkan di 9,618 buah institusi pendidikan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) termasuk Institut Pendidikan Guru (IPG), Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) dan Pusat Kegiatan Guru (PKG). Prasarana *SchoolNet* membolehkan KPM menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran tanpa sempadan. Program ini mampu merapatkan jurang digital di antara murid-murid sekolah di bandar dan luar bandar dan mempertingkatkan keberkesanan sistem pendidikan negara serta mewujudkan suasana pendidikan yang interaktif.

Dengan adanya program *SchoolNet*, murid di bandar dan luar bandar didedahkan dengan teknologi komunikasi secara global. Jurang digital di antara murid luar bandar dan bandar dapat dikurangkan. Kemudahan komunikasi secara emel dan *web conferences* dapat dilaksanakan. Suasana pembelajaran





secara interaktif dilaksanakan untuk murid dan guru, sebagai contoh, capaian ke aplikasi EduwebTV. Carian maklumat dan bahan p&p boleh didapati melalui Internet secara global dan secara langsung mewujudkan budaya celik IT kepada warga sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SchoolNet telah dilaksanakan mulai tahun 2003 sehingga penamatan kontrak dengan GiTN Sdn Bhd pada 31 Disember 2010. Perkhidmatan yang disediakan adalah capaian internet dan tapisan kandungan (*content filtering*). Laporan Unit Perancang Ekonomi (UPE) berdasarkan hasil kajian Boston Consulting Group (BCG) telah mencadangkan 22 langkah penambahbaikan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) termasuklah melaksanakan IBestariNet dan diputuskan melalui Mesyuarat Majlis Ekonomi (EC) pada 17 Januari 2010 dan 28 Mac 2010. Antara kebaikan IBestariNet adalah peningkatan capaian 1 hingga 4 Mbps sama ada melalui *Local Area Network* (LAN) atau tanpa wayar (WiFi) bagi sekolah yang berada di lokasi bandar dan luar bandar.

Rjm 24

#### **PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR PUTIH)**

**TARIKH : 13 OKTOBER 2011**

**SOALAN : TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR PUTIH) minta  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

## SOALAN NO: 39

menyatakan bentuk-bentuk projek yang bakal dibangunkan di sekitar pelabuhan perikanan Tok Bali bagi membolehkan hasil laut yang didaratkan diproses untuk dipasarkan pada harga yang lebih tinggi.

JAWAPAN OLEH: Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Pelabuhan Perikanan Tok Bali telah siap dibina sepenuhnya dan beroperasi secara *Trial Operation* mulai 3 April 2011. Pelabuhan tersebut dilengkapi dengan komponen-komponen infrastruktur seperti jeti pendaratan, dewan pemasaran, pejabat untuk para peniaga, depo bekalan minyak diesel dan kemudahan penyimpanan. Malah, Pusat Inkubator Tok Bali kini mempunyai tiga (3) orang pengusaha yang melaksanakan pengeluaran produk pemrosesan isi ikan, keropok kering serta bebola dan nuget ikan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerusi LKIM adalah dalam perancangan untuk membangunkan industri asas perikanan di kawasan sekitar pelabuhan bagi membolehkan hasil-hasil laut segar dapat diproses dan seterusnya dipasarkan dengan harga yang kompetitif. Selain itu, pelan pelaksanaan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan rancangan pembangunan bersepadu di Pelabuhan Perikanan Tok Bali turut melibatkan pembinaan kilang pemprosesan ikan primer dan otishimi, kilang pemprosesan ikan untuk industri kecil sederhana (IKS), kilang makanan ikan dan kilang air batu, bilik sejuk serta pejabat pentadbiran jabatan/agensi kerajaan yang berkaitan.

Langkah yang dinyatakan di atas adalah bertujuan untuk mengukuhkan rantai nilai makanan dengan membangunkan satu kemudahan berpusat bagi pelaksanaan aktiviti hulu dan hilir sektor perikanan khususnya di kawasan pelabuhan perikanan Tok Bali. Hasil segar dari laut yang dihantar ke kilang-kilang pemprosesan dapat dijamin kesegarannya kerana tidak perlu melalui proses pengangkutan yang lama. Para pengusaha juga dapat diberi khidmat nasihat teknikal secara in-situ (*hands on*) dalam bidang pemprosesan dan pengeluaran produk berkualiti oleh jabatan Kerajaan berkaitan.

**NO.SOALAN : 40**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA TUAN NGA KOR MING [TAIPING ]**

**TARIKH 13 OKTOBER 2011**

### **SOALAN**

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah gratuiti, pencen dan segala manfaat lain yang bakal diterima oleh

Ketua Hakim Negara, Tun Mohd Zaki Bin Tun Azmi yang bersara pada September, tahun ini serta Hakim lain mengikut kategori Jawatan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohd Zaki Bin Tun Azmi yang bersara pada 12 September 2011 ketika mencapai umur 66 tahun telah pun dibayar faedah-faedah persaraan di bawah Akta Saraan Hakim 1971 (Akta 45), seperti berikut;

- a) **Pencen bulanan** atas kadar RM15,000.00 sebulan sepertimana diperuntukkan di bawah seksyen 4 dan seksyen 9 Akta 45 berkuat kuasa 1 Januari 2009;

- b) Ganjaran sekaligus RM90,000.00 seperti mana diperuntukkan di bawah seksyen 7 Akta 45;
- c) Wang tunai sekaligus sebagai Gantian Cuti Rehat sebanyak RM 120,700.00 sepertimana diperuntukkan di bawah perenggan 12A, Jadual Kedua Akta 45; dan
- d) Kemudahan perubatan percuma kepada pesara dan ahli tanggungan yang diperuntukkan selaras dengan perenggan 11(c) Jadual Kedua Akta 45.

Kadar-kadar faedah persaraan bagi Hakim mengikut jawatannya adalah berlandaskan formula yang sama, iaitu:

**a) Ganjaran sekaligus**

$$\text{tempoh} \quad 7.5$$

$$\times \quad 100 \quad \text{perkhidmatan} \times \text{Gaji Akhir (bulan)}$$

[ Seksyen 7 Akta 45 ]

**b) Pencen bulanan**

$$\text{x} \quad 360 \quad \text{tempoh}$$

$$\text{(Tertakluk} \quad \text{perkhidmatan} \times \text{Gaji Akhir (bulan)}$$

kepada pencen maksimum  $\frac{3}{5}$  x gaji akhir)

Bagi bekas Hakim Besar, bekas Presiden Mahkamah Rayuan dan juga bekas Ketua Hakim Negara yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun, pencennya adalah  $\frac{3}{5}$  gaji akhir.

**c) Gantian  
Rehat**

1

----- x

30

jumlah

hari yang x Keraian

**Cuti**

+ Elaun terkumpul

Khas Kehakiman +  
Bantuan Sewa  
Rumah)

[ Perenggan 12A, Jadual Kedua Akta 45

]

(Gaji Akhir + Elaun

Sekian, terima kasih.





**SOALAN 41**

**PEMBERITAHU**  
**AN**  
**PERTANYAAN**  
**DEWAN**  
**PERTANYAAN**  
**DARIPADA**

**LISA**  
**N** **Y.B. PUAN HAJAH NANCY**  
**BINTI HAJI SHUKRI [BATANG**  
**SADONG]**

**TARIKH** **13 OKTOBER 2011**

**SOALAN** **Meminta** **MENTERI**  
**PELANCONGAN menyatakan:**

**Bagaimanakah industri pelancongan boleh berkembang maju di kawasan luar bandar akan tetapi masih boleh mengekalkan keaslian persekitaran kawasan luar bandar.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Batang Sadong, kawasan luar bandar merupakan destinasi pelancongan yang mempunyai potensi besar untuk berkembang maju. Kementerian ini sentiasa menyokong perkembangan industri pelancongan luar bandar dan berusaha untuk mengekalkan keunikan persekitaran kawasan tersebut. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, beberapa program pelancongan untuk kawasan luar bandar telah dikenalpasti dan dilaksanakan seperti program Homestay dan pelancongan eko.

Program Homestay yang dilancarkan pada 1995 sebagai satu inisiatif di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar bertujuan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat luar bandar di dalam sektor pelancongan. Program ini merupakan satu bentuk pengalaman di mana pelancong tinggal bersama keluarga pengusaha Homestay yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan di mana para pelancong berpeluang untuk berinteraksi serta

mengalami cara hidup seharian masyarakat kampung, adat resam dan kebudayaan mereka.

Di samping itu juga, Kementerian ini telah memperkenalkan Program *Plant A Tree* (PAT) yang menggalakkan setiap pelancong yang berkunjung ke Homestay untuk menanam satu anak pokok ketika melawat ke Homestay. Selain menggalakkan kedatangan pelancong secara berulang bagi melihat kembali hasil tanaman mereka, ia juga merupakan satu langkah terhadap pemeliharaan alam semulajadi.

Sehingga Julai 2011, jumlah Homestay yang berdaftar dengan Kementerian ini adalah sebanyak **148 buah** yang disertai oleh **234 buah** kampung. Homestay-Homestay ini mempunyai **3155 orang** pengusaha dengan **4210 bilik** ditawarkan untuk diinap oleh para pelancong.

Selain itu, program pelancongan eko juga diberi penekanan dalam meningkatkan industri pelancongan di luar bandar di samping mengekalkan keaslian alam sekitar. Pelancong-pelancong yang menggemari segmen ini amat menyanjungi keunikan landskap Slam semulajadi negara

seperti hutan- hutan, gua-gua, air terjun, batu kapur dan sebagainya.

Melalui program ini, selain melihat sendiri keunikan landskap serta kepelbagaian spesis flora dan fauna negara, Kebiasaannya, pelancong-pelancong akan menyertai aktiviti- aktiviti pelancongan eko seperti aktiviti rekreasi, kembara trail, fotografi dan program pemuliharaan alam semuladi dalam meningkatkan penghayatan, kecintaan dan pemuliharaan alam semulajadi.

Prog ram-prog ram tersebut diyakini dapat berkembang maju dan mempunyai pasaran yang konsisten serta yang akan terus mengekalkan keaslian persekitaran kawasan luar bandar. Program ini juga menonjolkan produk atau perkhidmatan nilai tambah sebagai salah satu usaha membantu penduduk luar bandar menyertai industri pelancongan dan dapat meningkatkan pendapatan serta taraf hidup mereka. Selain itu, ia membantu meningkatkan peluang-peluang pekerjaan dan melahirkan usahawan pelancongan di kalangan masyarakat desa.



| s/0-SO\*LAN :

Kir | A ■ Lin ■ XT  
ITvrHUm . \*r7

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN**

**PERTANYAAN**

**TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]**

**DARIPADA**

**13 OKTOBER 2011**

**TARIKH**

**4093**

**SOALAN:  
RUJUKAN:**

**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ] minta MENTERI DALAM  
NEGERI menyatakan**

**(a) jumlah permohonan kewarganegaraan dari  
pemastautin tetap atau orang asing yang diterima, diproses  
dan dilulus atau ditolak untuk tahun 2006 hingga 2011 ; dan**

**(b) statistik kewarganegaraan asal, jantina dan  
jenis pekerjaan warganegara baru yang dilulus untuk  
tempoh di atas.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan kewarganegaraan yang diterima dan diproses daripada Pemastautin Tetap atau warga asing bagi tahun 2006 hingga Ogos 2011 adalah sebanyak 62,070 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 21,293 permohonan telah diluluskan oleh Kementerian.

Kementerian ini tidak menyimpan rekod dan statistik jumlah permohonan yang diterima atau diluluskan mengikut jenis pekerjaan. Walau bagaimanapun, pecahan statistik bagi penganugerahan taraf kewarganegaraan mengikut jantina bagi tahun 2006 hingga Ogos 2011 adalah seperti berikut:

JANfINA *	PERKARA 15(1)	•PERKARA I 16--.'	PERKARA ' ^19(1) 4 *	JUMLAH,
LELAKI	0	772	7,541	8,313
PEREMPUAN	8,760	1,231	2,989	12,980
UWufA FPTJRUHAN*		MM	WK	

| s/0-SO\*LAN :



